



مجلس قبضنارن سلايڠ
Majlis Perbandaran Selayang



Laporan Tahunan
►2018

Laporan Tahunan
►2018

Majlis Perbandaran Selayang © 2019

**DITERBITKAN OLEH
JABATAN KORPORAT**

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS,Persiaran 3,Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya,bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta,dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

JABATAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 5800
Fax:+603-6138 8933
Bebas Tol: 1800-222-677
www.mps.gov.my



مجلس فریدارن سلائیڠ
Majlis Perbandaran Selayang

Isi
Kandungan

Laporan tahunan 2018 - Majlis Perbandaran Selayang

01 Pengenalan

- 08 Info MPS
- 10 Perutusan Yang Dipertua
- 12 Piagam Pelanggan & Bunga Rasmi MPS
- 13 Visi, Misi, Objektif MPS
- 14 Rasional Logo MPS
- 15 Lagu Rasmi MPS
- 16 Kawasan Pentadbiran MPS
- 17 Demografi Penduduk
- 18 Barisan Pengurusan MPS
- 19 Ahli Majlis MPS
- 20 Penyata Kedudukan Kewangan 2018
- 21 Penyata Prestasi Kewangan 2018
- 22 Sijil Ketua Audit Negara

02 Laporan Jabatan

- 28 Jabatan Perbendaharaan
- 32 Jabatan Perundangan
- 36 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 44 Jabatan Korporat
- 52 Jabatan Bangunan
- 58 Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan
- 62 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan
- 66 Jabatan Landskap
- 74 Jabatan Pelesenan
- 78 Jabatan Perancang Bandar
- 82 Jabatan Kejuruteraan
- 92 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- 96 Jabatan Pembangunan Masyarakat
- 104 Jabatan Audit Dalam
- 108 Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
- 110 Jabatan Teknologi Maklumat
- 114 Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- 122 Jabatan Pusat Setempat (OSC)
- 136 Unit Integriti
- 140 Bahagian Urus Setia

03 Pelancongan

- 142 Kawasan Pelancongan MPS

04 Aktiviti

- 146 Aktiviti Tahunan MPS

05 Media

- 156 Keratan Akbar



Majlis Daerah Gombak (MDG) mula beroperasi pada 1 Januari 1977 dan kawasan pentadbirannya adalah meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu, Mukim Setapak dan sebahagian Mukim Ulu Klang

MAJLIS DAERAH GOMBAK 1977

Menara MPS yang memulakan pembinaan pada 1 Jun 2002 dan siap sepenuhnya pada 2 September 2004. Projek pembinaan Menara MPS setinggi 10 tingkat ini menelan belanja sebanyak RM21 Juta.

Majlis Perasmian Menara MPS telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Bin Toyo, Dato Menteri Besar Selangor pada 31 Mei 2005

PERASMIAN MENARA MPS

2004

1992

PENUBUHAN
MAJLIS AMPANG JAYA

MPS Mukim Hulu Klang yang merupakan sebahagian kawasan MDG menjadi sebahagian Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

1997

PENUBUHAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang telah ditubuhkan pada 1hb Januari 1997 meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu dan sebahagian Mukim Setapak

2001

Majlis Pecah Tanah dan Pembinaan Menara MPS



Menjelang sambutan yang ke-20 Tahun pentadbirannya, MPS terus mengorak langkah sebagai PBT terunggul dengan memastikan Perbandaran Selayang sentiasa Mampan, Progresif dan Sejahtera.



Info
**Majlis Perbandaran
Selayang**





Majlis Perbandaran Selayang terletak di daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke Negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Daerah Kuala Selangor (MDKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sebelah barat daya.

Keseluruhan kawasan pentadbiran MPS ialah 545.6 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim iaitu Mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduk Perbandaran Selayang berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 % (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5 % (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 % (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 % kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tadahan hujan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam, Tasik Biru Kundang dan Taman Rimba Bukit Lagong.

Terdapat 9 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS dengan mengambil kira kualiti alam sekitar.



Perutusan
Yang Dipertua



Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Allah S.W.T atas limpahan rahmatNya, Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Selayang 2018 dapat diterbitkan.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.

Pada tahun 2018 ini, MPS lebih giat dalam usaha memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada pembayar cukai di samping menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan serta menyediakan prasarana kemudahan awam untuk orang ramai. Aspek integriti mula diterapkan dan akan menjadi tunjang dalam setiap tindakan dan kita perlu bertindak pantas serta proaktif dalam menterjemahkan setiap kehendak pelanggan. Berfikiran secara kreatif dan inovatif di samping penerapan nilai-nilai bersama iaitu setia, amanah, proaktif, integriti dan semangat berpasukan digalakkan dalam usaha memupuk budaya kerja berprestasi tinggi dan kecemerlangan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan 31 Disember 2018, MPS telah berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2018 sebanyak RM 94.36 juta (94.36%) daripada RM 100.00 juta. Manakala bagi kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 9.06 juta (75.5%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta. Pihak MPS telah mengeluarkan sebanyak 23,337 keping waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200 ke atas bermula 01 Oktober 2018.

Saya berharap bagi tahun 2019, warga kerja MPS serta Ahli-Ahli Majlis akan melipat gandakan usaha bagi meningkatkan integriti masing-masing seiring dengan wawasan negeri Selangor dan negara. Saya mengharapkan agar semua warga MPS dapat memperlihatkan satu usaha dan daya saing yang tinggi serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian, Asalamualaikum dan terima kasih.



Suliman Abd Rahman A.M.S, P.P.T.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Selayang



Piagam Pelanggan

- ▶ Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.
 - ▶ Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.
 - ▶ Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.
 - ▶ Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sejaan secara adil.
 - ▶ Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisien supaya pembangunan tanah mencapai imbalan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.
 - ▶ Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi.
-

Bunga Rasmi **MPS**



BUNGA SIANTAN IXORA SUNKIST

Pengelasan Saintifik

Alam	: Tumbuhan	Famili	: Rubiaceae
Divisi	: Magnoliophyta	Genus	: Ixora
Kelas	: Magnoliopsida	Spesies	: I. jawa
Order	: Gentianales	Binomial	: Ixora jawa



Visi MPS

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG PENERAJU PENGURUSAN
CEMERLANG KE ARAH PERBANDARAN MAMPAK MENJELANG
TAHUN 2020**

.....



Misi MPS

**MEMPERKASA PENGURUSAN PERBANDARAN KEPADA SELURUH
WARGA SELAYANG MELALUI PERKHIDMATAN BERTARAF 5
BINTANG KE ARAH PEMBENTUKAN KOMUNITI SEJAHTERA**

.....



Objektif MPS

- ▶ Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran.
- ▶ Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur.
- ▶ Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang.
- ▶ Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi.
- ▶ Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai "Kawasan Taman Dalam Bandar".
- ▶ Menggeratkan perpaduan di antara rakyat disamping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
- ▶ Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.



Rasional Logo MPS



Secara umumnya, logo MPS melambangkan kemajuan dan kepesatan pembangunan, tanggungjawab sebagai Penguasa Tempatan akan dilaksanakan dengan terbaik selaras dengan Slogannya “Mampan, Progresif, Sejahtera”.




Melambangkan MPS di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.



Melambangkan kejituan dan keteguhan semangat untuk membangunkan MPS selaras dengan wawasan dan matlamat organisasi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.



Melambangkan perkembangan pembangunan perumahan, perindustrian dan pengekalan alam sekitar yang seimbang dan terancang.



Melambangkan MPS sebagai pusat perkembangan penyelidikan dan pembangunan dengan wujudnya Bandar Ilmu.



Lagu Rasmi MPS

Perbandaran Selayang Indah Sejahtera
Penduduknya Berbilang Bangsa
Demi Kesejahteraan Semua
Seiring Wawasan Negara.

Bangunan MPS Tersergam Megah
Pembangunannya Tersusun Indah
Tiada Dilupa Tempat Riadah
Selayangku Semuanya Mudah.

Korus I:
Bertuah Sungguh Bandar Selayang
Penduduknya Yang Penyayang
Bersama MPS Kita Jayakan
Menuju Wawasan Negara.


Mampan Progresif Dan Sejahtera
Seiring Selayangku Sayang
Memangkin Pembangunan Negara
Membentuk Hidup Lebih Selesa.

MPS Menjamin Masa Depan
Dengan Pembangunan Yang Mampan
Majulah MPS Ke Hadapan
Menyahut Seruan Kerajaan.

(*Ulang Korus I*)




Kawasan Pentadbiran MPS




Demografi Penduduk

analisa demografi terkini ^(1,2)




analisa isi rumah ^(1,2)



jumlah populasi berdasarkan gender dan ratio gender ^(1,2)

wanita

48.3% (331,446)



lelaki

51.7% (350,760)



RATIO: 106 LELAKI
UNTUK SETIAP 100
WANITA

¹Data : Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035

²Analisa Demografi Adalah Untuk Keseluruhan Daerah Gombak



Barisan Pengurusan MPS 2018

Tn. Suliman bin Abd Rahman
Yang Dipertua MPS



Dato' Dr. Juhari bin Ahmad
*Timbalan
Yang Dipertua MPS*



Tn. Hj. Az'har bin Samsuri
Perbendaharaan



Pn. Zulaina binti Abu Talib
Khidmat Pengurusan



En. Mohamad Zin bin Masoad
Korporat



Pn. Sr. Norshima binti Norzlan
Penilaian & Pengurusan Harta



Pn. Noriza binti Bahari
Perancang Bandar



Tn. Hj. Sr. Azam bin Mohamad
Bangunan



En. Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya
Kejuruteraan



En. Abd. Razak bin Ahmad
Perundangan



En. Hairudin bin Daud
Pelesiran



En. Affendi bin Samigan
*Pengurusan Sisa Pepejal &
kesihatan*



Lt Kol. (B) Azmi bin Ismail
Penguatkuasa & Keselamatan



En. LAr. Mokhtar Affandi bin
Abdul Ghani
Landskap



Pn. Mazurah binti Mohamed
Pembangunan Masyarakat



En. Hasmawi bin Mat Junit
Teknologi Maklumat



En. Yong Chee Kong
Pusat Setempat (OSC)



Encik Sr Mohd Asraf bin
Mat Yajid
Pesuruhjaya Bangunan (COB)



Pn. Norhayati binti Ahmad
Audit Dalam



En. Hafizan bin Khamis
Kontrak & Ukar Bahan



En. Azhar bin Che Salleh
Urus Setia



En. Mohammad Faiz bin Omar
Integriti



Ahli Majlis MPS 2018

Tn. Suliman bin Abd Rahman
Yang Dipertua MPS



Dato' Dr. Juhari bin Ahmad
*Timbalan
Yang Dipertua MPS*



Puan Norridah binti A Wahab
Zon 1



YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj. Wan Mahmood bin Pa'wan Teh
Zon 2



Puan Anfaal binti Saari
Zon 3



Tuan Mohd Azahari bin Daud
Zon 4



Datin Sharifah Salmah binti Syed Agil
Zon 5



Tuan Amir Fazlee bin Khalid
Zon 6



Tuan Deveandran A/L Selvaraju
Zon 7



Tuan Mohammad Faizal bin Ismail
Zon 8



Tuan Abdul Rahman bin Abdullah
Zon 9



Tuan Wan Anwar Wan Ibrahim
Zon 10



Tuan Mohd Kassim bin Packiry
Zon 11



Puan Tam Kar Lye
Zon 13



Tuan Md. Sabri bin Md. Taib
Zon 14



Tuan Muhammad Najmi bin Samsudin
Zon 15



Tuan Saravanan A/L Muniandy
Zon 16



Puan P.Mariammal A/P S.Ponnusamy
Zon 17



Tuan Azman bin Yaakob
Zon 19



Puan Puspa Rizal binti Mohammad
Zon 20



Puan Zuraidah binti Abdul Majid
Zon 21



Tuan Ng Kok Chuan
Zon 22



Tuan Ng Wei Keong
Zon 23



Tuan Fok Wai Mun
Zon 24

Penyata kedudukan Kewangan



**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
 PADA 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM (Dinyatakan Semula)
ASET			
Aset Berma			
Urusnaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	40,007,418	42,171,000
Urusnaga Pertukaran Belum Terima	4	651,020	903,972
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	18,792,407	14,850,570
Simpanan Tetap	6	348,000,000	528,000,000
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	7	8,296,471	23,983,181
Inventori Bangunan	8	1,282,000	1,062,000
Jumlah Aset Berma		<u>415,038,314</u>	<u>411,553,793</u>
Aset Bukan Berma			
Hartanah, Log dan Peralatan	9	41,106,666	43,755,968
Hartanah Pelaburan	10	8,232,184	8,781,238
Aset Tak Tetapi	11	224,367	210,297
Aset Dalam Pembinaan	12	145,147	2,694,680
Jumlah Aset Bukan Berma		<u>48,765,304</u>	<u>55,595,181</u>
Jumlah Aset		<u>464,793,618</u>	<u>467,158,954</u>
LIABLITI			
Liaabiliti Berma			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbaikan Terakur	13	166,179,609	196,384,797
Akaun Amangah	14	148,972,242	119,374,216
Peruntukan Manfaat Kaktangan	15	607,809	405,435
Pinjaman Kerajaan Negeri	16	1,739,451	2,977,069
Pinjaman Bawa Beli	17	1,134,807	583,318
Jumlah Liaabiliti Berma		<u>915,689,979</u>	<u>921,694,034</u>
Liaabiliti Bukan Berma			
Peruntukan Manfaat Kaktangan	18	1,045,313	718,917
Pinjaman Kerajaan Negeri	19	-	1,023,661
Pinjaman Bawa Beli	20	2,008,058	1,143,017
Pendapatan Terlunda	21	286,880	316,880
Jumlah Liaabiliti Bukan Berma		<u>3,330,351</u>	<u>3,702,676</u>
Jumlah Liaabiliti		<u>919,020,330</u>	<u>925,397,609</u>
Aset Bersih			
Kumpulan Wang Majlis	22	145,372,480	141,367,884
Tabung Khas Kaktangan	23	430,855	403,581
Jumlah Aset Bersih		<u>145,783,335</u>	<u>141,761,445</u>
EKUITI			
Kumpulan Wang Majlis	24	145,372,480	141,367,884
Tabung Khas Kaktangan	25	430,855	403,581
Jumlah Ekuiti		<u>145,783,335</u>	<u>141,761,445</u>



Penyata Prestasi Kewangan

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
 PENYATA PRESTASI KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
HASIL			
Urusloga Bukan Pertukaran	21	198,168,409	250,230,076
Urusloga Pertukaran	22	22,052,694	19,046,810
Pelbagai Hasil	23	3,973,792	7,168,969
JUMLAH HASIL		<u>224,194,895</u>	<u>265,247,855</u>
PERBELANJAAN			
PERBELANJAAN MENGURUS			
Emolumen	24	54,791,630	53,924,224
Perkhidmatan dan Belakan	25	54,692,110	52,738,624
Pembentan dan Kemasan Bayaran Tetap	26	2,547,512	1,212,417
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	27	19,092,708	14,850,288
		<u>131,084,041</u>	<u>122,723,551</u>
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Perkhidmatan dan Belakan	28	87,605,307	134,942,638
Aset	29	945,674	7,028,829
Pembentan dan Kemasan Bayaran Tetap	30	235,501	233,691
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	31	205,670	185,544
		<u>88,986,242</u>	<u>141,860,702</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>220,080,253</u>	<u>264,574,253</u>
LEBIHAN BAGI TAHUN		<u>4,114,802</u>	<u>20,673,602</u>



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 38.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Selayang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Selayang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Selayang.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Selayang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Selayang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(ABD GHANI BIN SULAIMAN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM
29 OGOS 2019



Jabatan
Perbendaharaan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab di dalam semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan cukai pintu di dalam kawasan pentadbiran MPS.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mewujudkan sistem perakaunan Majlis Perbandaran Selayang dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip perakaunan, arahan perbendaharaan dan peraturan kerja.
- Mengurus hasil dan mengawal perbelanjaan Majlis.
- Mengawal dan menguruskan bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
- Mengemukakan laporan kewangan Mesyuarat Majlis dan menyediakan penyata kewangan untuk dikemukakan ke Jabatan Audit Negeri.
- Menyediakan Bajet Tahunan Majlis dan mengendalikan akaun pindahan peruntukan dan peruntukan tambahan.
- Menguruskan pengeluaran pesanan tempatan (LO) bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Memproses bayaran bagi pesanan tempatan (LO), tanpa pesanan tempatan (TLO), kontrak kerja dan lain-lain tuntutan.
- Mengurus dan bertanggungjawab bagi pengurusan aset alih dan stor Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan cukai taksiran Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan hasil letak kereta Majlis.
- Bertanggungjawab ke atas kutipan dan penyimpanan hasil Majlis.
- Menerima bayaran cukai tanah Pejabat Tanah dan Daerah dan cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.



ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2018

ANGGARAN HASIL	JUMLAH (RM)	%
Hasil Cukai	113,628,726	62
Hasil Bukan Cukai	61,468,066	33
Terimaan Bukan Hasil	9,103,208	5
Jumlah Hasil	184,200,000	100
Anggaran Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	40,940,187	32
Perkhidmatan Dan Bekalan	73,592,593	57
Aset	2,567,160	2
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	9,258,540	7
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	3,376,600	3
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	129,735,080	70
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan		
Perkhidmatan Dan Bekalan	52,640,890	97
Aset	1,143,890	2
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	400,000	1
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	280,140	1
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	54,464,920	30
JUMLAH PERBELANJAAN	184,200,000	100
Surplus / (Defisit)	0	
(BERIMBANG)		



Jabatan
Perundangan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PERUNDANGAN

Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan aktiviti menguruskan hal-hal perundangan undang-undang MPS termasuk hal-hal pendakwaan dan sivil, meneliti dan mengawasi kes yang melibatkan apa-apa tuntutan terhadap pihak MPS dan pada mana-mana pihak, memberi nasihat perundangan, menggubal undang-undang MPS, meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pegawai mengenai hal-hal undang-undang dan menentukan dan melaksanakan langkah awalan serta mengarahkan pendakwaan.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB


Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memberi nasihat dan pandangan mengenai perkara yang berkaitan dengan perundangan MPS.
- Menggubal dan meminda undang-undang kecil Majlis dari semasa ke semasa.
- Merangka kertas-kertas pertuduhan, sama ada aduan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang awam dan menjalankan pendakwaan di mahkamah iaitu sebutan dan perbicaraan.
- Mengambil tindakan ke atas guaman sivil.

BIL	PERKARA / ULASAN	KUANTITI/ SASARAN	TEMPOH	PERATUSAN PENCAPAIAN		CATATAN
				KUANTITI	PERATUS	
1.	TAWARAN MENGKOMPAUN	5,000 NOTIS	JAN-DIS 2018	2,187 NOTIS	43.74%	
2.	PENDAKWAAN	1,100 KES	JAN-DIS 2018	657 KES	59.73%	
3.	PENDAFTARAN KAVEAT UNTUK KES-KES TUNGGAKAN CUKAI	100 AKAUN	JAN-DIS 2018	20 AKAUN	20%	
4.	TINDAKAN MENUNTUT TUNGGAKAN CUKAI MELALUI PANEL PEGUAM	100 AKAUN	JAN-DIS 2018	66 AKAUN	66%	
5.	SEMAKAN UNDANG-UNDANG	6 UUK	JAN-DIS 2018	10 PINDAAN/ GUBALAN	166.67%	PBT Selangor mempunyai UUK yang sama

LAPORAN KOMPAUN BAGI TAHUN 2018

BIL	PERKARA / ULASAN	KUANTITI
1.	NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN DAN KOMPAUN	7,365
2.	KOMPAUN DIBAYAR	RM 1,123,135.00
3.	KOMPAUN TIDAK DIBAYAR	RM 3,322,100.00
4.	KOMPAUN BATAL	181



Jabatan
Khidmat
Pengurusan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan Khidmat Pengurusan MPS bertanggungjawab mengendalikan beberapa aktiviti utama iaitu menguruskan segala aspek perkhidmatan, penempatan, elaun, gaji, sara ubat dan segala kemudahan dalam perkhidmatan, urusan pengambilan dan penempatan pegawai dan kakitangan, merancang dan mengendalikan kursus/latihan dalam perkhidmatan, kursus wajib dan peperiksaan perkhidmatan, pengisytiharan harta dan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT), merancang dan menganjurkan keperluan perjawatan, struktur organisasi perjawatan dan mengemaskini sistem perkhidmatan.

FUNGSI

Bahagian Sumber Manusia

- Menguruskan segala aspek perkhidmatan, penempatan elaun, gaji, dan segala kemudahan dalam perkhidmatan dan urusan kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangan.
- Merancang dan mengendalikan urusan pengambilan dan penempatan kakitangan.
- Merancang dan mengendalikan kursus/latihan dalam perkhidmatan, kursus wajib dan peperiksaan perkhidmatan.
- Mengurus hal ehwal, pengisytiharan harta dan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)
- Merancang dan menganjurkan keperluan perjawatan, struktur organisasi dan pengemaskinian skim perkhidmatan.
- Melaksanakan tugas sebagai Urus Setia kepada Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik (PBM), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat Teras Pengurusan dan ICT dan lain-lain mesyuarat berkaitan.
- Tuntutan bantuan sara ubat kakitangan (IJN, LPPKN & Dialisis).

Bahagian Khidmat Pengurusan

- Menguruskan pentadbiran MPS dari segi perkhidmatan pembekalan seperti :
 1. Perabot
 2. Alat tulis
 3. Bahan-bahan percetakan
 4. Barang-barang kelengkapan pejabat
- Menguruskan aset-aset alih MPS seperti :
 1. Perabot
 2. Alat kelengkapan
- Menguruskan semua permohonan pembelian
- Menguruskan stor utama MPS yang mengandungi :
 1. Alat tulis

2. Percetakan

Bahagian Pentadbiran

- Menguruskan kenderaan-kenderaan MPS berkaitan :
 1. Pergerakan kenderaan
 2. Kad Touch N' Go
 3. Kad Inden (Kad Petrol)
 4. Cuci Kenderaan
- Menguruskan insurans perubatan kakitangan seperti :
 1. Tuntutan bayaran klinik luar kakitangan.
 2. Urusan panjar wang runcit
 3. Mengemaskini sistem elaun perubatan kakitangan

PIAGAM PELANGGAN



- Menguruskan pelantikan kakitangan ke atas kekosongan jawatan secara hakiki dalam tempoh 3 bulan dari kekosongan.
- Memastikan perakuan keputusan temuduga dibawa ke Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam tempoh 30 hari bekerja.
- Memproses dokumen pengesahan dalam jawatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas semua syarat dipenuhi.
- Memastikan semua pegawai dan kakitangan mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun.
- Memproses Permohonan Pembelian dan Pesanan Tempatan (L/O) dalam tempoh 7 hari daripada tarikh terima.

UNIT PENTADBIRAN

Bilangan Kakitangan Baharu Bertaraf Tetap dan Kontrak

BILANGAN KAKITANGAN BAHARU BERTARAF KONTRAK	
GRED	BILANGAN
GRED VU	0
GRED A	5
GRED B	6
GRED C	27
GRED D	6
JUMLAH	44

BILANGAN KAKITANGAN BAHARU BERTARAF TETAP	
GRED	BILANGAN
GRED VU	0
GRED A	1
GRED B	3
GRED C	5
GRED D	4
JUMLAH	13



Bilangan Kakitangan Mengikut Gred Jawatan

GRED	TETAP	KONTRAK	KUANTITI
GRED VU	1	0	1
GRED A	48	16	64
GRED B	142	41	183
GRED C	246	239	485
GRED D	274	71	345
JUMLAH	711	367	1078

UNIT LATIHAN

Pelaksanaan Kursus Tahun 2018

- a. Kursus Dalaman: 152 kali
- b. Kursus Luaran: 213 kali

Jumlah Pencapaian Bilangan Kakitangan Hadiri Kursus Tahun 2018

BIL. HARI BERKURSUS	JUMLAH KAKITANGAN	PERATUS %
> 7	780	73.03
6	40	3.75
5	64	5.99
4	60	5.62
3	59	5.52
2	34	3.18
1	18	1.69
0	13	1.22

UNIT HRMIS

Pelaksanaan Sistem Aplikasi HRMIS Mengikut Modul Bagi Tahun 2018

MODUL	PERATUS %
Pemurnian Data Berintegriti (Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan)	100
Pelaksanaan Fungsi Sasaran Kerja Tahunan	100
Pelaksanaan Modul Laporan Nilai Prestasi Tahunan	100
Pelaksanaan Submodul Pengisytiharan Harta	100

Nisbah Kanak-Kanak : Pengasuh

BIL.	UMUR	KADAR DITETAPKAN* JKM		KADAR DIAMBIL	
		Bil. Kanak-Kanak	Nisbah Pengasuh	Bil. Kanak-Kanak	Nisbah Pengasuh
1.	2 Tahun Ke Bawah	3	1	14	4
2.	2 – 5 Tahun	5	1	7	2
JUMLAH				21	6

Jumlah Yuran Kanak-Kanak Taska MPS

UMUR	JUMLAH YURAN
Bayi (0 – 1 Tahun 11 Bulan)	RM 160.00
Kanak-Kanak (2 Tahun – 3 Tahun 11 Bulan)	RM 120.00
Kanak-kanak (4 Tahun – 5 Tahun)	RM 100.00
JUMLAH KANAK-KANAK : 21 ORANG	
JUMLAH Kakitangan : 7 ORANG (Seorang Penyelia)	

Lokasi : Kuarters Majlis Perbandaran Selayang
 No.3-107 & 3-108, Jalan 2/9A,
 Apartment Mas Merah,
 Bandar Baru Selayang,
 68100 Batu Caves,
 Selangor Darul Ehsan.



LAPORAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN TAHUN 2018

Perabot dan Alat Kelengkapan Pejabat

BIL.	PERKARA	KUANTITI	RM
1.	Harta Modal	45	116,554.00
2.	Inventori	345	151,450.00
JUMLAH		390	268,004.00

Stok dan Bekalan

BIL.	PERKARA	KUANTITI	RM
1.	Alat Tulis Dan Bahan-Bahan Bercetak	628,306	982,111.01



Jabatan
Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN KORPORAT



Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab mengendalikan 5 aktiviti utama iaitu Pengurusan Majlis Rasmi, Perhubungan Awam, Penerbitan, Aduan dan Inovasi.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat Majlis.
- Membuat kenyataan akhbar mengenai hal-hal berkaitan MPS kepada Media masa.
- Mengumpul keratan akhbar bagi berita berkaitan MPS untuk maklum balas tindakan.
- Menerima dan menyelaras aduan awam untuk tindakan.
- Mengendalikan segala urusan untuk acara-acara rasmi MPS.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan.
- Mengurus dan menjadi urus setia program kualiti dan penyertaan anugerah.

1. Perhubungan Awam

SENARAI PROGRAM MAJLIS RASMI MPS 2018

BIL	PROGRAM	TARIKH
1.	PROGRAM TOWN HALL MEETING BERSAMA PENDUDUK TAMAN DAYA KEPONG	11 MAC 2018 (AHAD)
2.	PROGRAM GEGAR AEDES PERINGKAT DUN KUANG TAHUN 2018	25 MAC 2018 (AHAD)
3.	PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK PERINGKAT MPS TAHUN 1439H / 2018M	24 MEI 2018 (KHAMIS)
4.	PROGRAM BAZAR RAMADHAN MAMPAN MPS TAHUN 2018	24 MEI 2018 (KHAMIS)
5.	MAJLIS BERBUKA PUASA PERINGKAT MPS BERSEMPENA RAMADHAN AL-MUBARAK TAHUN 1439H / 2018M	31 MEI 2018 BERSAMAAN 12 RAMADHAN 1439H (KHAMIS)

BIL	PROGRAM	TARIKH
6.	MAJLIS BERBUKA PUASA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT, PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA DAN PERASMIAAN MASJID GOMBAK UTARA, BATU 8 1/2 TAHUN 1439H / 2018M	17 RAMADHAN 1439H / 2 JUN 2018 (SABTU)
7.	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2017 DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	10 JULAI 2018 / 26 SYAWAL 1439H (SELASA)
8.	MAJLIS KESYUKURAN DAN RUMAH TERBUKA AIDILFITRI TAHUN 2018 DUN SUNGAI TUA	14 JULAI 2018 (SABTU)
9.	MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM MERAIKAN MANTAN AHLI MAJLIS MPS	24 JULAI 2018 (SELASA)
10.	PROGRAM TAKLIMAT KESEDARAN PENYAKIT BERISIKO GOLONGAN LELAKI – KANSER PROSTAT DAN KANSER PARU-PARU MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	25 JULAI 2018 (RABU)
11.	MAJLIS PENYERAHAN TIKET PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA SULTAN SELANGOR 2018	27 JULAI 2018 (JUMAAT)
12.	MAJLIS PENYERAHAN BENDERA EKSPEDISI MERDEKA KE GUNUNG HIMALAYA SECARA SOLO OLEH IKON ANAK MUDA GOMBAK	17 OGOS 2018 (JUMAAT)
13.	MAJLIS PERASMIAAN KURSUS KESELAMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH TERBAIK ARBORIKULTUR OLEH JABATAN LANDSKAP MPS	8 OGOS 2018 (RABU)
14.	MAJLIS PELEPASAN PROGRAM LARIAN OBOR BERSEMPENA KEJOHANAN ASIA PACIFIC MASTER GAMES 2018 PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	13 OGOS 2018 (ISNIN)
15.	MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MPS TAHUN 2018 SEMPENA HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA YANG KE – 61	27 OGOS 2018 (ISNIN)
16.	PROGRAM SAYANGI MALAYSIAKU SEMPENA HARI MALAYSIA PERINGKAT DUN SUNGAI TUA 2018	16 SEPTEMBER 2018 (AHAD)
17.	MAJLIS PERASMIAAN PROGRAM GUA DAMAI INTERNATIONAL BASE JUMP TAHUN 2018	25 SEPTEMBER 2018 (SELASA)



BIL	PROGRAM	TARIKH
18.	PROGRAM KEM CINTAI SUNGAI PERINGKAT MPS 2018	30 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)
18.	BENGKEL LOCAL AGENDA 21 (LA21) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	9 OKTOBER 2018 (SELASA)
19.	PROGRAM LAWATAN AMAL DI WAD PEDIATRIK, HOSPITAL SELAYANG ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	13 OKTOBER 2018 (SABTU)
20.	PROGRAM FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) – KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (PENGGANTIAN) 2030	16 OKTOBER 2018 (SELASA)
21.	PROGRAM FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) – CADANGAN GREENWOOD “THE NEW LOOK” DI TAMAN GREENWOOD, GOMBAK, SELANGOR	17 OKTOBER 2018 (RABU)
22.	PROGRAM BIG GIRLS TALK MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	25 OKTOBER 2018 (KHAMIS)
23.	MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN DEWAN ORANG RAMAI DATO' LEE KIM SAI RAWANG BERSEMPENA MESYUARAT MMKN DAERAH GOMBAK	26 OKTOBER 2018 (JUMAAT)
24.	MAJLIS PERLANCARAN KARNIVAL ALAM SEKITAR, KEPENGUNAAN DAN HARI BERTEMU PELANGGAN PERINGKAT MPS TAHUN 2018	10 NOVEMBER 2018 (SABTU)
25.	JEMPUTAN KE KEJOHANAN TENPIN BOLING PIALA KOMUNITI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	11 NOVEMBER 2018 (AHAD)
26.	MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL SIHAT SELANGOR PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	24 NOVEMBER 2018 (SABTU)
27.	PROGRAM ULTIMATE DIRECTION CROSSCOUNTRY BATU ARANG HERITAGE TOWN DAN UD KIDS OBSTACLE CHALLENGE 2018	1 - 2 DISEMBER 2018 (AHAD)
28.	PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) AHLI TAWAS BAGI SESI TAHUN 2018	2 DISEMBER 2018
29.	MAJLIS PERHIMPUNAN DISEMBER & SAMBUTAN HARI INOVASI & INTEGRITI TAHUN 2018 PERINGKAT MPS	5 – 6 DISEMBER 2018
30.	MAJLIS APRESIASI PENGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) DAN JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAH WANITA DAN KELUARGA MPS	7 DISEMBER 2018 (JUMAAT)
31.	PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	19 DISEMBER 2018 (RABU)
32.	PROGRAM MALAM KESENIAN ISLAM SELAYANG TAHUN 2018	21 DISEMBER 2018 (JUMAAT)
33.	PROGRAM TANAM POKOK PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2018	22 DISEMBER 2018 (SABTU)
34.	MAJLIS PERASMIAN SELANGOR INTERNATIONAL YOUTH & EXTREME FESTIVAL 2018	30 DISEMBER 2018 (AHAD)

2. Bahagian Penerbitan



1. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan penerbitan dan percetakan bahan-bahan maklumat Majlis.
2. Merancang, mengurus dan memantau pendokumentasian pengurusan keseluruhan proses penerbitan.
3. Menghasilkan dan menyediakan design dan *layout* majalah, *brochures*, kad hari raya, poster, buku cenderamata, *leafleat*, pelekat, *backdrop* untuk pentas, diari, kalender, laporan tahunan, buku aturcara, program inovasi dan lain-lain.
4. Bertanggungjawab mengendalikan promosi pameran dan maklumat.

3. Bahagian Aduan

LAPORAN ADUAN DAN MAKLUMBALAS PELANGGAN OLEH BAHAGIAN PENGADUAN AWAM, JABATAN KORPORAT BAGI TAHUN 2018

Aduan Pelanggan

Secara keseluruhannya, jumlah aduan yang diterima sepanjang bulan Januari sehingga Disember 2018 adalah sebanyak 15,230 aduan. Sebanyak 15,230 aduan yang telah berjaya diselesaikan dan jumlah peratus keseluruhan bagi aduan adalah sebanyak 100%.

Setiap aduan yang diterima dipanjangkan kepada jabatan-jabatan berkaitan dan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Korporat agar setiap aduan dapat diselesaikan. Berdasarkan statistik terbaru dapat dilihat penurunan aduan yang diterima bagi tahun 2017 dan 2018. Walaubagaimanapun, Jabatan Korporat memohon agar jabatan yang berkaitan berusaha mengambil tindakan dan penyelesaian yang lebih berkesan dalam menangani aduan terutama aduan yang berulang.

Mesyuarat Penyelesaian Aduan diadakan sebulan sekali bagi membantu jabatan membincangkan dan menyelesaikan aduan-aduan yang tertungggak dan perlukan perhatian.



Maklum Balas Kepuasan Pelanggan

Jabatan Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan borang soal-selidik (e-Soal) di setiap kaunter hadapan MPS. Selaras dengan visi dan misi untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, maklum balas orang ramai telah dibuat analisa bagi tujuan memperbaiki sistem perkhidmatan dan membuat cadangan penambah baikan kepada pihak pengurusan di mesyuarat koordinasi, langkah-langkah pemberian yang boleh dibuat.

Terdapat 25 jenis urusan yang disenaraikan untuk dinilai pelanggan. Daripada jumlah tersebut, 5 urusan tertinggi pelanggan yang datang ke MPS bagi bulan Januari hingga Disember 2018 adalah seperti berikut :

JENIS URUSAN	PERATUSAN URUSAN TERTINGGI
Layanan Kaunter Perkhidmatan	51 %
Aduan Pelanggan	41 %
Kompaun dan Saman	32 %
Permohonan Lesen	23 %
Urusan Pelanggan Dalaman	19 %

JUMLAH KERATAN AKHBAR

TAHUN	JUMLAH KERATAN
2017	585
2018	446

JUMLAH ADUAN MENGIKUT KAWASAN MAJLIS

KAWASAN	JUMLAH ADUAN
Mukim Batu	9,304
Mukim Rawang	5,604
Mukim Setapak	322
JUMLAH	15,230

Hari Bertemu Pelanggan

Dalam usaha menjadikan organisasi yang memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat, Majlis telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi memantapkan lagi pengurusan dan memberi perkhidmatan yang cemerlang dan telus kepada masyarakat.

Hari Bertemu Pelanggan diadakan bagi mengenalpasti isu dan masalah penduduk dan mengambil tindakan segera, manakala aktiviti turun padang yang dilaksanakan bertujuan memantau pembangunan yang dijalankan tidak menghadapi masalah. Sesi dialog yang diadakan bermatlamat merapatkan hubungan Majlis dan pertubuhan NGO dalam menyelesaikan masalah dan isu seperti masalah setinggan.

Majlis Perbandaran Selayang sentiasa giat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terutama dari segi memenuhi kehendak pelanggan. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai aktiviti sedang dirancang dan telah dibuat seperti mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada setiap jumaat minggu pertama dan lawatan turun padang pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan.

Bagi Program Hari Bertemu Pelanggan, semua pengarah yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua akan duduk mendengar masalah orang awam dan berbincang bagaimana untuk menyelesaikan masalah mereka. Kaunter akan mula dibuka dari jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari.

Bagi tahun 2018, MPS telah mengadakan sebanyak 6 kali Hari Bertemu Pelanggan dan menerima 222 aduan. Aktiviti turun padang juga turut diadakan bagi membolehkan Tuan Yang Dipertua melihat sendiri aduan-aduan yang memerlukan tindakan segera.

BULAN	JUMLAH ADUAN
Januari	36
Februari	32
Mac	57
April	-
Mei	-
Jun	-
Julai	44
Ogos	-
September	37
Oktober	-
November	16
Disember	-
JUMLAH	222

4. Bahagian Inovasi

Antara tanggungjawab dan fungsi Bahagian Inovasi adalah:-

1. Menyelaraskan dan memantau pembangunan program-program inovasi di Majlis Perbandaran Selayang.
2. Menyelaraskan usaha-usaha dalam mempertingkatkan kemahiran, kreativiti, inovasi dan semangat berpasukan di kalangan warga Majlis Perbandaran Selayang.
3. Membantu mempertingkatkan sistem penyampaian agar sentiasa berkualiti dan aktiviti-aktiviti utama dilaksanakan mengikut prosedur.
4. Mengendalikan segala urusan penyertaan dan pelawaan bagi mana-mana program dan hal ehwal berkaitan kualiti dan inovasi.

**SENARAI ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (2018)**

BIL	NAMA ANUGERAH / PENCAPAIAN	ACARA/ KATEGORI	JABATAN	TARIKH	TEMPAT / AGENSI PEMBERI ANUGERAH	PENCAPAIAN
1	Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan ke-61 Peringkat Negeri Selangor tahun 2018	Peringkat Negeri	Penguatkuasa & Keselamatan	2018	Shah Alam, Selangor	Sijil Penyertaan
2	Pengiktirafan pematuhan SAGA	Negara	Perbendaharaan	2018	Pulau Pinang	Sijil Pematuhan SAGA
3	Penyata Kewangan	Negara	Perbendaharaan	2018	Selangor	Sijil Bersih
4	Kejohanan Ping Pong Berpasukan Sukan Persatuan Badan Berkawan Malaysia (SUKANUN) 2018	Ping Pong	Pembangunan Masyarakat	21- 27/7/2018	Melaka	Tempat Ke-3
5	Kejohanan Bola Sepak 9 sebelah SMART Selangor Jabatan Kerajaan Negeri Selangor 2018	Bola Sepak	Pembangunan Masyarakat	28- 29/4/2018	Padang SUK, Shah Alam	Tempat Ke-3
6	Kejohanan Ping Pong Pihak Berkuaesa Tempatan Malaysia (MALA) 2018	Ping Pong	Pembangunan Masyarakat	8-9/9/2018	UTC Pasir Gudang, Johor	Johan
7	Perlawanan Persahabatan Sukan 3 Penjuru Majlis Perbandaran Klang (MPK) 2018	Ping Pong	Pembangunan Masyarakat	21/12/2018	Dewan Sri Andalas, Klang	Johan
8	Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-19, 2018	Pasukan Menembak Negeri Selangor	Pembangunan Masyarakat	12- 22/9/2018	Kompleks Menembak Amanjaya, Chepor, Perak	6 Perak, 2 Gangsa
9	Kempen Bebas Plastik	Kategori PBT	Pelesenan	2018	Bangunan SSAAS, Shah Alam	Sijil Anugerah
10	Grand Final Pesta Sukan Gen-S peringkat Negeri Selangor 2018.	Futsal & Bola Keranjang	Pembangunan Masyarakat	24- 25/11/2018	Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam	Tempat ke-3 & Naib Johan
11	Kejohanan Golf Pihak Berkuaesa Tempatan Malaysia (MALA) 2018	Golf	Pembangunan Masyarakat	1/12/2018	Port Dickson Golf & Country Club, Negeri Sembilan	Johan
12	Kejohanan Liga Gombak FA 2018 Piala YAB Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.	Bola Sepak	Pembangunan Masyarakat	14/10/2018 - 2/12/2018	Stadium MPAJ, Pandan Indah	Naib Johan
13	Lawatan Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC)	Kategori PBT Selangor	Korporat	10/4/2018	Dewan Keraian, Menara MPS	Tempat ke-2
14	Lawatan Panel Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuaesa Tempatan (SPB-PBT) 2018	Kategori PBT	Korporat	7/6/2018	Dewan Keraian, Menara MPS	Pensijilan 5 Bintang
15	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Team Excellence Peringkat Wilayah (RTEx) (Kumpulan Thoifah) 2018 Corporation (MPC)	Kategori PBT	Korporat	09- 11/11/2018	Wilayah Selatan Anjuran Malaysia Productivity	5 Bintang
16	Konvensyen Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) 2018 (Kumpulan Promosyst)	Kategori PBT	Korporat	25- 27/9/2018	Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.	Sijil Penyertaan
17	Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEX) 2018	Kategori PBT	Korporat	14- 16/11/2018	Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)	4 Bintang

Jabatan
Bangunan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN BANGUNAN

BAHAGIAN PELAN

1) Memproses Permohonan Pelan Bangunan

Bahagian Pelan, Jabatan Bangunan telah menerima dan memproses permohonan Pelan Bangunan melalui :

- (a) Kaunter Jabatan Bangunan**
- (b) Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

Permohonan akan dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya permohonan lengkap diterima dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

Di bawah disenaraikan pencapaian bagi tahun 2018.

No.	Perkara	Jenis Permohonan	Kuantiti
1.	Permohonan Pelan Bangunan melalui Jabatan Pusat Setempat (OSC) (kategori Perumahan / Pembangunan Bercampur, Industri / Perkilangan, Komersil, Institusi / Lain-Lain, Telekomunikasi, Tambahan Industri / Perkilangan, Tambahan Komersil, Tambahan Institusi / Lain-lain, Pindaan Kepada Pelan Kelulusan dan Bangunan Sementara)	Permohonan Serentak Komersil Perkilangan / Industri Lain-Lain Tambahan Pindaan Perumahan/ Pembangunan Bercampur Tambahan Pindaan Komersil Tambahan Pindaan Perkilangan/ Industri Pindaan Kepada Pelan Kelulusan Bangunan Sementara	28 Permohonan 2 Permohonan 1 Permohonan 2 Permohonan 1 Permohonan 17 Permohonan 15 Permohonan 27 Permohonan 34 Permohonan
2.	Permohonan Pelan Bangunan dan Permit Kecil melalui Kaunter Jabatan Bangunan (Kategori: Rumah Sesebuah, Tambahan Rumah Kediaman, Buku Panduan dan Permit Kecil)	Rumah Sesebuah / Banglo (1/8) Tambahan / Pindaan Kediaman (1/8..A) Buku Panduan / Pelan Setara (BP/8) Permit Khemah Ugama (13/8..U) Permit Baiki (13/8..(AW) / (G) / (B) / (SD) / Bollard / Kabin Permit Khemah Keraian	85 Permohonan 646 Permohonan 168 Permohonan 45 Permohonan 319 Permohonan 679 Permohonan

2) Memproses Permohonan Buku Panduan (Kelulusan 3 Hari Bekerja)

Permohonan Buku Panduan merupakan permit bagi Kerja-Kerja Kecil Tambahan dan ubahsuaian bangunan. Permohonan Buku Panduan telah dijadikan satu inovasi di bawah *Business Process Reengineering (BPR)* mewakili MPS dan telah dilaksanakan dan berkuatkuasa pada Januari 2010.

Kelulusan Buku Panduan ini dikeluarkan melalui penurunan kuasa Yang Dipertua kepada pegawai yang meluluskan permohonan. Kaedah ini bukan sahaja dapat mengurangkan rungutan orang awam malahan juga dapat menambahbaik proses dalaman organisasi.

Senaraikan pencapaian Buku Panduan bagi tahun 2018.

NO.	PERKARA	KUANTITI
1.	Permohonan Buku Panduan	168 Permohonan

2) Merekodkan Penerimaan Sijil Perakuan Penyiapan Dan Pematuhan (Borang F)

Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (Borang F) (CCC – Certificate of Completion and Compliance) telah diterima dan direkodkan sepanjang tahun 2018 seperti senarai dibawah.

NO.	PERKARA	KUANTITI
1.	Borang F CCC (Permohonan Melalui Jabatan Pusat Setempat)	37 Rekod
2.	Borang F CCC (Permohonan Melalui Jabatan Bangunan) <ul style="list-style-type: none"> i. Tambahan / Pindaan Rumah Kediaman ii. Rumah Sesebuah / Banglo 	26 Rekod



BAHAGIAN PERMIT, PEMANTAUAN DAN REKABENTUK

1) Unit Permit

1.1) Memproses Permohonan Baru Permit Tahunan

Bahagian Permit, Pemantauan dan Rekabentuk, Jabatan Bangunan telah menerima dan memproses permohonan Pelan Permit Tahunan Bangunan melalui :

- (a) Jabatan Pusat Setempat (OSC)**
- (b) Kaunter Jabatan Bangunan**

Permohonan akan dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya permohonan lengkap diterima dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Di bawah disenaraikan pencapaian bagi tahun 2018.

NO.	PERKARA	KUANTITI
1.	Permohonan Permit Telekomunikasi melalui Jabatan Pusat Setempat (OSC)	6 Permohonan
2.	Permohonan Pelan Bangunan As Built dan Permit Tahunan Sementara melalui Kaunter Jabatan Bangunan (Kategori : Rumah Sesebuah, Tambahan Rumah Kediaman, Bangunan Selain Kediaman, Permit Tahunan Sementara dan Permit Telekomunikasi melalui TCU)	208 Permohonan

1.2) Memproses Bil Awal Bagi Permohonan Pembaharuan Permit Tahunan (Berakhir 31 Disember Setiap Tahun) Dan Permohonan Pembaharuan Permit Tahun 2018

NO.	PERKARA	KUANTITI
1.	Proses Bil Awal Permit (Semua akaun permit)	1,659 akaun
2.	Permohonan Pembaharuan Permit Telekomunikasi (Telekomunikasi)	450 akaun
3.	Permohonan Pembaharuan Permit Tahunan	1,209 akaun

UNIT REKABENTUK DAN INOVASI

1. Merekabentuk bangunan projek Majlis.
 - i Dewan Bandar Tasik Puteri, Rawang
2. Penglibatan dalam Program-program Menaiktaraf Kawasan.
 - ii. Greenwood The New Outlook
3. Membuat lawatan tapak dan kajian ke lain-lain PBT:-
 - i. Kertas Kerja Cadangan Pindaan Garis Panduan Tambahan Rumah
 - ii. Cadangan Rekabentuk Pelan Setara

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

1. Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan bangunan adalah mengikut peruntukan Undang-undang sedia ada berdasarkan :
 - Undang-undang Kecil Bangunan 1984 (UKBS 1984)
 - Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133)
2. Tindakan kompaun dan notis kesalahan bangunan di bawah Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) bagi tahun 2018.

KOMPAUN	NOTIS
133 Kompaun	330 Notis

3. Bertanggungjawab dalam membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan awam berkaitan dengan bangunan seperti membina bangunan tanpa kebenaran, pembinaan berskala besar (pemajuan) yang mendatangkan kacau ganggu (bunyi bising, bangunan retak dan lain-lain yang berkaitan), membuat ubahsuaian / tambahan tanpa kebenaran, dan longgokan bahan binaan bagi kerja pembinaan.

OPERASI JABATAN 2018	PENCAPAIAN PENYELESAIAN ADUAN 2018								
<p>Operasi Roboh</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Kg Sg Bakau 2. Kg Selayang Indah 3. Taman Templer Saujana 4. Tokong Kg Selayang Indah 	<table> <tr> <td>Jumlah aduan diterima</td><td>- 501</td></tr> <tr> <td>Aduan selesai</td><td>- 499</td></tr> <tr> <td>Aduan batal</td><td>- 2</td></tr> <tr> <td>Pencapaian</td><td>- 100%</td></tr> </table>	Jumlah aduan diterima	- 501	Aduan selesai	- 499	Aduan batal	- 2	Pencapaian	- 100%
Jumlah aduan diterima	- 501								
Aduan selesai	- 499								
Aduan batal	- 2								
Pencapaian	- 100%								

BAHAGIAN PENTADBIRAN JABATAN BANGUNAN

1. Melaksanakan hal ehwal pengurusan organisasi supaya selari dengan peraturan dan dasar semasa.
 - Melaksanakan hal ehwal cuti kakitangan.
 - Melaksanakan hal ehwal rekod kehadiran kakitangan.
 - Melaksanakan hal ehwal mesyuarat Jabatan Bangunan.
 - Melaksanakan hal ehwal pengurusan fail Jabatan Bangunan.
 - Melaksanakan hal ehwal surat-surat Jabatan Bangunan.
 - Melaksanakan hal ehwal pengurusan pentadbiran Jabatan Bangunan.
2. Membantu pengurusan bilik fail Jabatan.
3. Membantu penyediaan kertas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.
4. Membantu melancarkan pengurusan kaunter Jabatan Bangunan.
5. Membantu melaksanakan proses permohonan di Jabatan Bangunan.



Jabatan

Penguatkuasa dan Keselamatan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN

Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS bertanggungjawab menjalankan 3 aktiviti utama iaitu menjalankan tindakan penguatkuasaan, menyelesaikan aduan awam, menjaga harta benda MPS dan membantu agensi-agensi penyelamat untuk kerja-kerja *ad-hoc* seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh dan lain-lain lagi.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- a. Menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan menggunakan Undang-Undang Kecil, akta dan enakmen yang telah diwartakan.
- b. Menyelesaikan aduan-aduan awam yang berkaitan dengan kadar segera.
- c. Menjaga keselamatan harta benda MPS.
- d. Memastikan orang awam yang berurusan dengan MPS mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- e. Membantu agensi-agensi penyelamat untuk tugas-tugas *ad-hoc* yang berhubung kait dengan kecemasan seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lain.

Pencapaian / Prestasi Fungsi Utama Jabatan

1. Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK)

- 3,695 NPK telah dikeluarkan ke atas pelbagai kesalahan

2. Tindakan Tunda

- Kenderaan Awam	- 609 buah – RM 62,450.00
- Kenderaan Buruk	- 356 buah – RM 7,550.00
Jumlah keseluruhan	- 965 buah – RM 70,000.00

3. Operasi Bersepadu

Operasi Bersepadu telah dilaksanakan seperti operasi:

a) Operasi Bersepadu	- 192 kali
b) Sampah	- 44 kali
c) Banner/Iklan	- 84 kali
d) Penjaja	- 92 kali
e) Halangan	- 59 kali
f) Pusat Siber	- 20 kali
g) Pusat Kecantikan/Kesihatan	- 10 kali
Jumlah Keseluruhan	- 501 kali



(...sambungan)

BULAN	TINDAKAN	JUMLAH	BILANGAN IKLAN YANG DITURUNKAN
Ogos	Npk	74	
	Sitaan	37	1369 Unit (Iklan Pelbagai)
	Operasi	14	
September	Npk	76	
	Sitaan	24	652 Unit (Iklan Pelbagai)
	Operasi	08	
Oktober	Npk	67	
	Sitaan	29	753 Unit (Iklan Pelbagai)
	Operasi	10	
November	Npk	29	
	Sitaan	25	599 Unit (Iklan Pelbagai)
	Operasi	15	
Disember	Npk	22	
	Sitaan	26	215 Unit (Iklan Pelbagai)
	Operasi	11	

6. Lain-lain Perkhidmatan

- a) Tugasan Pengiring YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- b) Majlis Dialog Bersama Penduduk, JKP
- c) Kawalan Perayaan Thaipusam
- d) Lawatan Turun Padang Bersama Exco, Ahli Majlis, JKP, YDP, Jabatan Dalaman MPS,
- e) Tugasan Kawalan & Pemantauan
 - Kawalan Lalulintas & Trafik
 - Kawalan Sampah Haram
 - Kawalan Pasar Borong Selayang
 - Bantuan Anggota Untuk Aktiviti Kemasyarakatan
 - i. Bantuan Kawalan Aktiviti Sekolah
 - ii. Bantuan Tugasan Ahli Majlis, JKP, Jabatan Dalaman MPS
 - iii. Bantuan Agensi Kerajaan – Polis, Rela, AADK, Imegresan
 - iv. Kawalan Bola Sepak di Stadium MPS
 - Kawalan Perayaan Thaipusam, Tahun Baru Cina, Hari Raya
- f) Program Gotong-Royong
 - Jabatan Penguatkuasa
 - Ahli Majlis, Exco, JKP
 - Dalaman MPS - Program Gotong - Royong Jabatan
- g) Perbarisan & Kawad / Sukan Penguatkuasa
- h) Latihan Menembak Jabatan Penguatkuasa
- i) Lain-lain tugas yang diarahkan pegawai atasan dari semasa ke semasa

Jabatan

Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mengurus dan mengawal selia kerja-kerja perkhidmatan bandar seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, sampah pukal, pembersihan longkang, penyapuan jalan dan pemotongan rumput.
- Memproses dan memberi ulasan pelan bangunan bagi rumah dan kebuk sampah, surat sokongan dan sijil layak menduduki.
- Melaksanakan tugas-tugas kawalan serta pencegahan vektor dan lain-lain penyakit berjangkit yang berkaitan.
- Menyelaras aktiviti kawalan alam sekitar dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen-kempen kesedaran awam.

UNIT KAWAL SELIA

PERKARA / ULASAN	PENCAPAIAN (KUANTITI)
Jumlah sampah yang dihantar ke tapak pelupusan	410,877.98 Tan
Bilangan NTC Dikeluarkan Kepada Kontraktor	766 Notis
Pembersihan Moonson Drain	44
Menyediakan Laporan Prestasi Kontraktor	584 Laporan
Bekalan :-	
• Bekalan Tong Sampah (Leach Bin)	09 Tong (lokasi)
• Program Gotong Royong	
Operasi Penguatkuasaan / Penutupan Premis	48 operasi / 20 penutupan premis
Jumlah tindakan pembersihan tempat pembuangan sampah haram / longgok	85 kali

UNIT KAWALAN ALAM SEKITAR

PERKARA / ULASAN	PENCAPAIAN (KUANTITI)
Kutipan Barang Kitar Semula (Peringkat MPS)	129.2 Tan
Notis Rumah / Lot Terbiar	364 Notis
Pembersihan Lot / Rumah Terbiar	287 Kali
Jumlah Program Dan Kempen Alam Sekitar	7 Program

AKTIVITI KAWALAN VEKTOR DAN KES PENYAKIT DEMAM DENGGI

PERKARA	2018
Bilangan Kes Yang Dilaporkan	4507
Tindakan Kawalan yang dijalankan	
• Premis disembur menggunakan ULV & Thermal	126360
• Jumlah premis yang diperiksa	11230
• Jumlah premis positif pembedakan	89
• Jumlah bekas positif pembedakan	465
• Penutupan premis dibawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975	11
• Jumlah kompaun (APSPP 1975)	89
Aktiviti Promosi Kesihatan	
• Taklimat Denggi (Sekolah)	29
• Gotong Royong Cegah Denggi	167
• Suntikan TY2 kepada pengendali makanan	469

AKTIVITI KAWALAN HAIWAN LIAR DAN LILATI

PERKARA	JUMLAH
Tangkapan anjing liar	1987 ekor
Kompaun yang dikeluarkan	15
Pelupusan anjing yang telah dilaksanakan	1686 ekor
Anjing liar yang dituntut oleh penduduk dan dileSENkan untuk diperlihatkan secara sah	18 ekor
Operasi tangkapan lain-lain haiwan :	
• Lembu dan Kambing	4 – Bilangan operasi
• Lain-lain haiwan (kucing, ayam, arnab)	31 – Bilangan operasi
Operasi kawalan tikus	
• Racun / umpan	286



Jabatan
Landskap

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN LANDSKAP

Jabatan Landskap MPS bertanggungjawab mengendalikan penjagaan landskap dan taman rekreasi untuk menjadi salah satu fokus utama MPS dalam memastikan taman-taman awam dan tanaman di sekitar kawasan pentadbirannya terjaga dan terpelihara.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Landskap MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memproses permohonan kelulusan pelan landskap, permohonan sokongan CF, CCC dan pengambilalihan kawasan landskap.
- Mengawal pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pemaju selaras dengan dasar dan garis panduan Jabatan Landskap Negara, garis panduan landskap MPS dan lain-lain yang berkaitan.
- Mengawal dan mengurus selia kerja-kerja penyelenggaraan landskap menepati piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis.
- Memastikan projek-projek pembangunan landskap yang dibangunkan menepati garis panduan piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh MPS.
- Mengurus dan menyelesaikan aduan-aduan awam.
- Menguatkuasakan undang-undang berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan Akta 172, Undang-Undang Kecil Taman dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.
- Mengurus tadbir produk dan kawasan-kawasan pelancongan dalam pentadbiran MPS.



PELAKSANAAN PROJEK LANDSKAP 2018

Penjagaan Landskap dan Taman Rekreasi menjadi salah satu fokus utama Majlis dalam memastikan taman-taman awam dan tanaman di sekitar kawasan pentadbirannya terjaga dan terpelihara. Ia turut memperkasakan konsep pembangunan ‘*Gaya Hidup Sihat Menjana Kesejahteraan Sosial*’. Oleh itu, setiap pembangunan yang dirancang sentiasa mementingkan keperluan dan kemudahan awam khususnya ke arah pembangunan mental dan fizikal dengan pelaksanaan projek landskap seperti berikut:

BIL.	SENARAI PROJEK	LOKASI
1.	Program Pelancongan	<p style="text-align: center;">PERUNTUKAN UPEN</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Gua Damai International BASE Jump 2018 kali ke 5 <ul style="list-style-type: none"> - Taman Ekstrem Gua Damai 2. UD – The signature Cross Country Ultra Series 2018 kali ke 2 <ul style="list-style-type: none"> - Pekan Batu Arang. <p style="text-align: center;">KERJASAMA</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Selangor International Youth & Extreme Festival 2018 <ul style="list-style-type: none"> - Gua Damai
2.	Projek Pembangunan Landskap	<p style="text-align: center;">PERUNTUKAN MPS</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Cadangan pembangunan Dataran Taman Berlian di Jalan Taman Berlian 2, Taman Berlian, Gombak, Selangor Darul Ehsan. 2. Cadangan Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Lapang di Jalan 1, Taman Desa Jaya, Keppong, Selangor Darul Ehsan. 3. Cadangan Kerja – Kerja Membina Wakaf di Rumah Kediaman Kakitangan MPS, Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. 4. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Jambatan di Taman Rimba Bukit Lagong, Majlis Perbandaran Selayang. 5. Cadangan Kerja-kerja Perobohan Gerai Sementara Majlis Perbandaran Selayang di Taman Berlian, Gombak, Selangor Darul Ehsan. 6. Cadangan Kerja-Kerja Pembersihan Tanaman Haram, Kerja-Kerja Merumput Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Permata, Kundang, Selangor Darul Ehsan. 7. Cadangan Membaik Pulih Padang Bola Taman Harmonis, Jalan Harmonis 4, Gombak, Selangor. 8. Cadangan Membaik Pulih Padang Bola Taman Garing, Rawang, Selangor Darul Ehsan. 9. Cadangan Membaik Pulih Kawasan Lapang 9/27, Taman Sri Gombak, Selangor Darul Ehsan. 10. Cadangan Membaikpulih Padang Bola Taman Ehsan, kepong, Selangor Darul Ehsan. 11. Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Papan Tanda Sempadan 2018 Di Jalan Utama-Sungai Choh, Rawang, Selangor Darul Ehsan. 12. Cadangan kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Bandar Country Homes Fasa 4, Rawang, Selangor Darul Ehsan. 13. Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Infrastruktur Taman Rekreasi Awam (Fasa 1) Di Tasik Taman Bersatu , Rawang, Selangor Darul Ehsan. <p style="text-align: center;">PERUNTUKAN UPEN</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Padang Bola Sepak Kampung Wira Damai, Batu Caves, Selangor Darul Ehsan. 2. Cadangan Kerja-Kerja Pembangunan Stadium Dan Kompleks Pelbagai Guna Di Padang, Selangor Darul Ehsan. 3. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Padang Futsal Dan Gelanggang Sepak Takraw Di Kawasan Lapang Di Taman Desa Jaya, Keppong, Selangor Darul Ehsan.

(bersambung...)

(..sambungan)

BIL.	SENARAI PROJEK	LOKASI															
<u>PERUNTUKAN KPKT (BP1)</u>																	
		<ol style="list-style-type: none"> Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Cerun Di Padang Bola Sungai Bakau, Rawang, Selangor Darul Ehsan. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal Dan Gelanggang Sepak Takraw Di Kawasan Lapang Di Taman Selayang Segar Untuk Majlis Perbandaran Selayang. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal Di Bandar Baru Selayang Fasa 2A, Selayang Baru, Selanor Darul Ehsan. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal Di Dataran Desa Minang, Gombak, Selangor Darul Ehsan. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Bola Keranjang Di Jalan 26, Taman Desa Jaya, Kepong, Selangor. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Tandas Awam Taman Awam Taman Rimba Templer, Selangor Darul Ehsan. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Tandas Awam di Taman Bukit Lagong, Selangor Darul Ehsan. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Tandas Awam Di Taman Awam Tasik Puteri, Rawang, Selangor Darul Ehsan. Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal Di Bandar Baru Selayang Fasa 2B, Selayang Baru, Selangor Darul Ehsan. 															
3. Projek CSR		<ol style="list-style-type: none"> Kempen Tanam Pokok Bagi Program Cintai Sungai Kita Sempena Hari Sungai Sedunia 2018 Majlis Perbandaran Selayang Di Taman Rimba Bukit Lagong (Sungai Jinjang) Penglibatan : Pelajar Sekolah Sekitar Selayang Tarikh Perlaksanaan : 29 & 30 September 2018 Kempen Tanam Pokok Sempena Program Karnival Sihat Selangor Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Bagi Tahun 2018 Di Taman Ekstrem Gua Damai, Batu Caves. Penglibatan : Penduduk Wira Damai Tarikh Perlaksanaan : 24 November 2018 Kempen Tanam Pokok 2018 Majlis Perbandaran Selayang Di Laman Rakyat Bandar Baru Selayang. Penglibatan : Penduduk Dataran Templer B Tarikh Perlaksanaan : 22 Disember 2018 Program Kebun Komuniti dan Pertandingan 'Edible Garden' 2018 Majlis Perbandaran Selayang <ul style="list-style-type: none"> Dewan Taman Gombak (JKP ZON 3) Kg. Sg. Tua Baharu (JKP ZON 6) Pangsapuri Selayang Mulia (JKP ZON 10) Taman Pinggiran Templer (JKP ZON 11) Taman Daya Jalan 26 (JKP ZON 13) 															
3. Nurseri		<ol style="list-style-type: none"> Nurseri DiTaman Rimba Bukit Lagong 															
<u>Program Penghijauan MPS (Sumbangan Anak Pokok / Tanam Pokok Out-source)</u>																	
		<table border="0"> <tbody> <tr> <td>1. Sumbangan anak pokok kepada JPSPK untuk Program Sungai Angkat Di Sungai Bukit Lagong. (14/1/2018)</td> <td>1. Bunga kertas / Bougainvillea</td> <td>5 nos</td> </tr> <tr> <td></td> <td>2. Siantan (Pink)/ Ixora</td> <td>10 nos</td> </tr> <tr> <td></td> <td>3. Mother In Law Tongue/ Sansevieria trifasciata</td> <td>5 nos</td> </tr> <tr> <td></td> <td>4. Arrowroots/ Marantha Arundineceae</td> <td>10 nos</td> </tr> <tr> <td>2. Sumbangan anak pokok kepada Komuniti Kebun Komuniti Batu Arang. (3/2/2018)</td> <td>1. Kelat Paya / Eugenia Oleina</td> <td>20 nos</td> </tr> </tbody> </table>	1. Sumbangan anak pokok kepada JPSPK untuk Program Sungai Angkat Di Sungai Bukit Lagong. (14/1/2018)	1. Bunga kertas / Bougainvillea	5 nos		2. Siantan (Pink)/ Ixora	10 nos		3. Mother In Law Tongue/ Sansevieria trifasciata	5 nos		4. Arrowroots/ Marantha Arundineceae	10 nos	2. Sumbangan anak pokok kepada Komuniti Kebun Komuniti Batu Arang. (3/2/2018)	1. Kelat Paya / Eugenia Oleina	20 nos
1. Sumbangan anak pokok kepada JPSPK untuk Program Sungai Angkat Di Sungai Bukit Lagong. (14/1/2018)	1. Bunga kertas / Bougainvillea	5 nos															
	2. Siantan (Pink)/ Ixora	10 nos															
	3. Mother In Law Tongue/ Sansevieria trifasciata	5 nos															
	4. Arrowroots/ Marantha Arundineceae	10 nos															
2. Sumbangan anak pokok kepada Komuniti Kebun Komuniti Batu Arang. (3/2/2018)	1. Kelat Paya / Eugenia Oleina	20 nos															

(bersambung...)

(..sambungan)

BIL.	SENARAI PROJEK	LOKASI
3.	Sumbangan anak pokok kepada Sek. Keb. Bandar Tasik Puteri. (22/2/2018)	1. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana 2. Siantan (Orange) / Ixora
4.	Sumbangan anak pokok kepada JPSPK untuk Program Sungai Angkat Di Sungai Bukit Lagong. (22/2/2018)	1. Bunga kertas / Bougainvillea 2. Siantan (Pink) / Ixora 3. Kelat Paya / Eugenia Oleina 3. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana
5.	Pembekalan anak pokok kepada Kontraktor Prime Construction untuk pengindahan landskap di kawasan Taman Riverfront (Planter Box). (22/2/2018)	1. Kelat Paya / Eugenia Oleina
6.	Sumbangan anak pokok kepada SRA Nurul Iman Selayang Baru. (30/4/2018)	1. Mexican Petunia 2. Siantan (Orange)
7.	Pembekalan anak pokok kepada Kontraktor Genius Plus Enterprise untuk pengindahan landskap di kawasan Taman Tasik Bersatu, Rawang (1/8/2018)	1. Kelat Paya / Eugenia Oleina
8.	Sumbangan anak pokok kepada Sek. Keb (1) Selayang Baru. (10/8/2018)	1. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana 2. White Buttercup / Turnera subulata
9.	Sumbangan anak pokok kepada Sek. Keb Sinaran Budi Kuala Garing, Rawang. (29/8/2018)	1. Mexican Petunia / Ruellia brittoniana 2. Bunga Raya / Hibiscus Rosa 3. Bunga Kertas/ Bougainvillea
10.	Sumbangan anak pokok kepada Balai Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang. (29/8/2018)	1. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana
11.	Pembekalan anak pokok untuk Sek Ren Agama Integrasi Sg. Chinchin Gombak. (12/10/2018)	1. Golden Dewdrop/ Durantha Gold 2. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana
12.	Pembekalan anak pokok untuk SMK Seri Gombak Batu Caves. (19/10/2018)	1. Bunga Raya / Hibiscus Rosa 2. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana 3. White Buttercup / Turnera subulata
13.	Pembekalan anak pokok untuk Masjid Jamek Al-Amaniah Batu Caves Selangor. (29/10/2018)	1. Bunga Raya / Hibiscus Rosa 2. Mexican Petunia/ Ruellia brittoniana 3. White Buttercup / Turnera subulata

(bersambung...)

(..sambungan)

BIL.	SENARAI PROJEK	LOKASI		
	14. Pembekalan anak pokok untuk IbuPejabat Polis Daerah Gombak. (28/11/2018)	1. Golden Dewdrop / Durantha Gold 2. Mexican Petunia Ruelliaibrittoniana 3. White Buttercup Turnerasubulata	200 nos 35nos 35nos	
	15. Pembekalan anak pokok kepada SJK © Kota Emerald, Rawang (14/12/2018)	1. Kelatpaya /Eugenia Oleina 2. Mexican Petunia/ Ruelliaibrittoniana 3. FicusNitilda Gold / Indian Laurel Fig	30nos 30nos 40nos	
Program Penghijauan MPS				
	1. Penanaman pokok-pokok di Taman Bersatu 8, Rawang (23/1/2018)	1. Kelat paya / Eugenia Oleina	200 nos	
	2. Penanaman pokok-pokok di Taman Bersatu 8, Rawang (6/3/2018)	1. Kelat paya / Eugenia Oleina	300 nos	
	3. Penanaman pokok-pokok di Sekolah Rendah BBS (2). (7/3/2018)	1. Kelat paya/ Eugenia Oleina 2. Golden Dewdrop/ Durantha Gold 3. Mexican Petunia Ruelliaibrittoniana	60 nos 100 nos 60 nos	
	4. Penanaman pokok-pokok di sekitar Nurseri Taman rimba Bukit Lagong untuk dijadikan pokok Induk. (27/6/2018)	1. Kacang Pintoi / Arachispintoi 2. Mini Cordyline / Cordylinefurticosa 3. Chinese Fringe / Loropetalum	110 nos 70 nos 100 nos	
	5. Penanaman pokok Secara In-House Di SelayangMutiara. (17/7/2018)	1. Merawan Siput Jantan /HopeOdorata	5 nos	
	6. Pembekalan anak pokok untuk Program Kempen Tanam Pokok Sempena Cintai Sungai Kita 2018 bagi pengindahan landskap di kawasan Taman Rimba Bukit Lagong.(29/9/2018)	1. Kelat Paya/ Eugenia Oleina 2. Merawan Siput Jantan/ HopeOdorata	150 nos 4 nos	
	7. Penanaman pokok Secara In-House Di Dewan Lim Kim Sai Sempena Perasmian Dewan Tersebut DiRawang. (25/10/2018)	1. Chinese Juniper/ Loropetalum 2. FicusNitilda Gold/ Indian Laurel Fig	3 nos 8 nos	
	8. Penanaman pokok Secara In-House Di Kampung Kenanga Rawang. (15/11/2018)	1. Indian Rosewood/ Dalbergiasisso	15 nos	
	5. Penanaman pokok Secara In-House Di Kawasan Pejabat Lanskap Di Taman Rimba Bukit Lagong Sempena EKSA MPS 2018. (6/12/2018)	1. Durian Musang KING/ Duriozibethinus	50 nos	
			JUMLAH	2235 nos
	1. Prosedur Pengurusan Stok Tanaman Di Nurseri (ISO/MPS/JL/03)	Perlu menyediakan semaihan pokok sebanyak : 1. 350 nos/ Sebulan 2. 4200 nos/ Setahun	Jumlah terkumpul sehingga Dis 2018	
			JUMLAH	6434

Kempen Tanam Pokok yang telah disarankan oleh Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa dilaksanakan. Pencapaian adalah sebanyak 60,437 pokok lebih daripada jumlah yang ditetapkan sebanyak 60,000 dan pecahannya adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Pokok Utama	5,536
2.	Pokok Bunga Raya	7,760
3.	Pokok Bunga Rasmi (Siantan) dan pokok lain-lain	47,141

Pihak jabatan juga sentiasa memastikan pokok-pokok ameniti diselenggara secara berterusan untuk mengelakkan sebarang bahaya keatas orang ramai selain untuk memastikan persekitaran perbandaran sentiasa bersih dan indah.

Oleh yang demikian, jabatan telah melaksanakan pemangkasan pokok-pokok tersebut termasuk menebang pokok merbahaya/ mati dengan jumlah sebanyak 10,991 yang telah dilaksanakan secara 'in-house' dan 'out-source'.

Jabatan juga berjaya menyelesaikan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan awam yang diterima di sepanjang tahun 2018 berjumlah 1631 aduan.



Jabatan
Pelesenan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PELESENAN

Jabatan Pelesenan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti mengurus permohonan lesen premis/ penjaja dan permit sementara, mengurus pembaharuan lesen dan penguatkuasaan undang-undang kecil pelesenan.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pelesenan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menyelaras dan melaksana permohonan lesen premis perniagaan dan iklan.
- Menyelaras dan melaksana permohonan lesen kritikal.
- Menyelaras dan melaksana permohonan lesen visual papan iklan (*Billboard*) dan iklan menara setiang (*Unipole*)
- Menyelaras dan melaksana permohonan serta merta.
- Menyelaras dan melaksana permohonan permit sementara.
- Merancang dan melaksana operasi penguatkuasaan lesen.

PIAGAM PELANGGAN


- Meluluskan lesen premis perniagaan dan iklan serta merta yang lengkap mengikut senarai borang yang ditetapkan dalam tempoh 5 minit.
- Memproses permohonan permit sementara seperti bunting dan banner yang lengkap dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- Maklum balas aduan yang diterima dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.



HASIL KUTIPAN AKAUN BARU 2018

	JAN	FEB	MAC	APRIL	MAY	JUN	JUL	OGS	SEP	OCT	NOV	DIS	JUMLAH
HASIL KUTIPAN	92,094.31	87,040.32	76,816.89	86,734.37	100,668.25	36,120.98	73,743.80	65,584.86	63,272.15	93,962.28	69,317.24	78,158.54	923,513.99
BILANGAN AKAUN	148	142	134	134	152	67	142	149	113	127	110	128	1,546

HASIL KUTIPAN AKAUN BARU 2018




Laporan Tahunan 2018 MPS

HASIL KUTIPAN AKAUN SEDIA (PEMBAHARUAN/KEMASKINI) 2018

	JAN	FEB	MAC	APRIL	MAY	JUN	JUL	OGS	SEP	OCT	NOV	DIS	JUMLAH
HASIL KUTIPAN	1,142,169.70	384,069.68	378,802.11	278,728.63	573,619.75	163,834.02	270,025.20	88,741.14	395,355.85	640,402.72	2,055,024.80	6,773,938.50	13,144,712.10

HASIL KUTIPAN AKAUN SEDIA (PEMBAHARUAN/KEMASKINI) 2018



Jabatan

Perancang Bandar

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PERANCANG BANDAR

Jabatan Perancang Bandar MPS bertanggungjawab dalam mengawal dan merancang pembangunan merujuk kepada Akta 172, Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035, Rancangan Tempatan MPS 2020, Rancangan Kawasan Khas serta mengikut dasar-dasar / pekeliling-pekeliling kerajaan serta garis panduan yang terpakai di dalam memastikan pembangunan bandar mampan, progresif dan sejahtera.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perancang Bandar MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memproses dan memastikan setiap permohonan kebenaran merancang mengikut Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (A172) selaras dengan piawaian dan garispanduan serta mematuhi dasar dan polisi semasa.
- Menyelaras dan mengawal pembangunan pangkalan data sistem maklumat geografi bagi MPS dengan memperincikan setiap lapisan data seperti gunatanah, pengangkutan, alam sekitar, kemudahan dan sebagainya merujuk kepada pangkalan data MPS GIS.
- Menyelaraskan dan memantau Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Seranta dan Bantahan Awam Dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan Di Bawah Pentadbiran Majlis seperti Rancangan Tempatan MPS Dan Kajian Pelan-Pelan Pembangunan Di Kawasan MPS.
- Pelaksanaan pelan tindakan program Agenda LA 21.
- Menguruskan Program Bandar Selamat / Pemutihan Kawasan Blackspot
- Menyelaras projek pengangkutan awam
- Menyedia, mengurus dan menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU)
- Menyedia dan menyelaras cadangan laluan basikal
- Menyedia dan menyelaras cadangan perancangan pengindahan dan pencahayaan lorong belakang / taman awam
- Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan Kejiranan Hijau / Teknologi Hijau / Low Carbon City Framework (LCCF)
- Menyelaraskan permohonan permit papan iklan bagi pemutihan & permohonan baru.

BIL.	PERKARA	MUKIM		KUANTITI
		BATU/ SETAPAK	RAWANG	
Memproses permohonan kebenaran merancang:-				
1.	i. Pelan Kebenaran Merancang (Pembangunan)	7	8	15
	ii. Pelan Kebenaran Merancang (Pendirian Bangunan)	10	14	24
	iii. Pelan Kebenaran Merancang (Sementara)	6	5	11
	iv. Pelan Kebenaran Merancang (Perubahan Matan Kegunaan Bangunan) - Termasuk Mesyuarat Bantahan TGB	36	15	51
	v. Pelan Pindaan Kebenaran Merancang	9	16	25
2.	Permohonan Nama Taman dan Bangunan & Permohonan Jalan Dan Alamat	23	35	58

(bersambung...)

(...sambungan)

BIL.	PERKARA	MUKIM		KUANTITI
		BATU/ SETAPAK	RAWANG	
3.	Perlanjutan Kebenaran Merancang	4	6	10
4.	Perakuan Pelan Pra-hitungan	19	26	45
Membantu memproses permohonan ulasan teknikal tanah :-				
i.	Tukar Syarat Tanah			22
ii.	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan			116
iii.	Lesen Menduduki Sementara			11
iv.	Percantuman Tanah			
5.	v. Pengambilan Balik Tanah			28
vi.	Pecah Sempadan Tanah			
vii.	Pecah bahagian tanah			
viii.	Perizaban			91
ix.	Jalan Keluar Masuk			8
x.	Permit bahan Batuan			9
6.	Permohonan Kelulusan Penukaran Nombor Bangunan			100%
7.	Penyediaan pelan-pelan dan maklumat analisis untuk kajian – kajian penyelidikan perancangan serta menyediakan pelan-pelan yang dikehendaki oleh pihak awam serta agensi swasta.			144%
8.	Kajian Rancangan Tempatan MPS (Pengubahan 5) 2020 - Pengumpulan maklumat bagi pindaan kawasan - Menjalankan semakan tapak - Menyediakan kertas cadangan bagi tujuan pindaan - Melaksanakan program seranta dan penyertaan awam		Digugurkan kerana proses telah selesai.	
9.	Pewartaan Kawasan Lapang i. Kemaskini data kawasan lapang ii. Mewartakan Tanah Lapang			1957 kawasan
10.	Menguruskan Permohonan yang terlibat dengan Caj Pemajuan			RM 17,427,922.53
11.	Menguruskan Mesyuarat Caj Pemajuan			3 kali setahun
12.	Menguruskan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Izin			60 notis

(bersambung...)



(...sambungan)

BIL.	PERKARA	MUKIM		KUANTITI
		BATU/ SETAPAK	RAWANG	
13.	Menguruskan Notis Merujuk Kepada Seksyen 27,28 Dan 29 Akta 172 / RIBI			117 (14 Program)
14.	Pelaksanaan Pelan Tindakan Program LA 21 MPS			1. Program Ihya Ramadhan 2. Program Masih Ada Yang Sayang 3. Lawatan Amal Ke Wad Pediatrik Hospital Selayang 4. Program "Big Girls Talk" 5. Program Ceria Kembali Ke Sekolah 6. Karnival Alam Sekitar 7. Program Cintai Sungai 8. Bank Kitar Semula di Sekolah 9. Program Pengasingan Sisa Dipunca 10. Program Tong Kitar Semula i-Cycle 11. Program Amalan Hijau di Bazar Ramadhan 12. Karnival Sihat Selangor 13. Taklimat Denggi & Kesihatan 14. Ceramah Cegah Jenayah di Sekolah
15.	Memproses Permohonan Permit Struktur Papan Iklan Bagi Pemutihan & Permohonan Baru			365 unit
16.	Proses Bil Permit Papan Iklan			365 unit
17.	Penyelesaian Aduan			107%



Jabatan
Kejuruteraan

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN KEJURUTERAAN

Jabatan Kejuruteraan MPS bertanggungjawab mengendalikan 5 aktiviti utama iaitu Kawalan Pembangunan, Penyelenggaraan Infrastruktur, Elektrikal, Mekanikal dan Urus Selenggaran Bangunan. Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab memastikan infrastruktur dan kemudahan awam yang disediakan diselenggara serta memberi keselesaan kepada warga Selayang. Pemantauan dan pemeriksaan dilaksanakan secara telus agar setiap aduan kerosakan terhadap kemudahan dan infrastruktur diambil tindakan.

FUNGSI JABATAN KEJURUTERAAN

Bahagian Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- 1) Merancang, membina dan menyelenggara infrastuktur dan kemudahan awam dalam kawasan pentadbiran Majlis.
- 2) Mengambil tindakan aduan awam berhubung penyelenggaraan infrastruktur Majlis.
- 3) Merancang dan melaksanakan projek-projek khas penyelenggaraan dan pembangunan melalui Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan lain-lain agensi melibatkan infrastruktur Majlis.
- 4) Merancang projek-projek pembangunan Majlis yang barubagi kemudahan orang ramai seperti gerai, pasar, dewan, pondok bas dan lain-lain.
- 5) Memproses permit penutup longkang, penutupan jalan dan korekan jalan bagi orang awam serta agensi-agensi lain.
- 6) Urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Majlis bagi setiap bulan.
- 7) Mengawal spesifikasi jadual dan kualiti kerja projek mengikut masa yang telah ditetapkan.
- 8) Mengawal peruntukan dan pembayaran kepada kontraktor mengikut tempoh masa dan piagam Majlis.

Bahagian Pembangunan

1. Memberi ulasan Kebenaran Merancang (KM) merangkumi ulasan *Traffic Impact Assessment (TIA)*, *Road Safety Audit (RSA)* dan memberi nilai caj *Improvement Service Fund (ISF)* dalam tempoh 14 hari.
2. Memberi nasihat pra-rundingan kepada perunding kerja tanah (KT), dan Jalan & perparitan (JP) dikemukakan kepada Unit OSC.
3. Mengeluarkan ulasan pertama setelah menerima permohonan kelulusan kerja tanah (KT) dan Jalan & Perparitan (JP) daripada OSC dalam tempoh 10 Hari (ISO 2014).
4. Mengeluarkan ulasan pertama sokongan G17 dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan dikaunter daripada perunding.
5. Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan merangkumi notis berhenti kerja, kompaun dan sitaan.

6. Menyediakan investigation paper (IP) kepada Jabatan Undang-Undang.
7. Menjalankan pemantauan ops lumpur bagi projek pembangunan yang mempunyai kelulusan.
8. Memproses permohonan penyerahan penyelenggaraan infrastruktur.
9. Memproses pemulangan wang cagaran dan penyelenggaraan akaun wang tidak dituntut (WTD).

Bahagian Elektrikal

- 1) Menyediakan kemudahan lampu jalan, lampu isyarat dan tanda nama jalan.
- 2) Mengambil tindakan aduan berkaitan dengan kerosakkan lampu jalan, lampu isyarat.
- 3) Memproses permohonan kelulusan pelan lampu jalan.
- 4) Pemasangan lampu jalan baru di kawasan perumahan.

Bahagian Mekanikal

- 1) Pembelian kenderaan dan alat-alat mesin untuk pengurusan jabatan-jabatan dalaman Majlis.
- 2) Mengurus menyelenggaraan pembaikan kerosakan jentera dan kenderaan Majlis.
- 3) Memastikan kenderaan diservis dan sentiasa dalam keadaan baik.
- 4) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan dan pemeriksaan kenderaan dari masa kesmasa.
- 5) Menguruskan rekod aset alih kenderaan, jentera, mesin dan peralatan pejabat (mekanikal).
- 6) Menguruskan stor Unit Mekanikal (ups.mekanikal)
- 7) Menguruskan pengurusan pengangkutan jabatan dalaman Majlis.

Unit Cerun

- 1) Memberi ulasan Kebenaran Merancang (KM) terhadap dokumen sokongan teknikal untuk pembangunan di Majlis Perbandaran Selayang khususnya yang melibatkan pembangunan dikawasan sensitif alam sekitar, lereng bukit dan tanah tinggi selaras dengan tempoh piawaian standard ISO yang ditetapkan (14 hari).
- 2) Menyertai dan menjadi Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKTPKSAS) Negeri Selangor yang bersidang di Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, Shah Alam.

- 1) Menjalankan inventori cerun di kawasan Majlis Perbandaran Selayang bagi membangunkan sistem pengurusan cerun yang lebih cekap dan efisien.
- 2) Mengambil tindakan terhadap aduan awam berkaitan pembaikan cerun runtuh, penyelenggaraan cerun dan sistem aliran air permukaan.
- 3) Merancang dan melaksanakan projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi berkaitan kerja-kerja kecemasan pembaikan cerun/tanah runtuh dan penyelenggaraan yang menjelaskan infrastruktur social didalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang.
- 4) Memeriksa dan memantau pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi secara berkelas seterusnya mengesyorkan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis arahan tindakan pembaikan, notis berhenti kerja dan tawaran mengkompaun sekiranya melanggar Akta-Akta dan garispanduan yang telah ditetapkan.

Unit Urus Selenggara Bangunan (USB)

- 1) Merancang, mengawal dan menyelia kerja-kerja penyelenggaraan bangunan milik majlis yang melibatkan kejuruteraan awam, elektrikal dan mekanikal.
- 2) Mengurus dan mengendali peralatan elektrik dan mekanikal dan lain-lain untuk memastikan peralatan tersebut dapat berfungsi dengan baik.
- 3) Mengurus dan menyelaras aduan-aduan penyelenggaraan bangunan milik Majlis.
- 4) Mengurus perolehan / permohonan pembelian / inden / tuntutan bayaran pembayaran bagi kerja-kerja segera, sebutharga dan tender.
- 5) Menguruskan stor bagi melaksanakan penerimaan, perekodan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengendalian dan pengeluaran stok.
- 6) Membantu mengurus pendaftaran asset-aset yang berkaitan dengan USB seperti penghawa dingin berpusat dan *split unit*.
- 7) Menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan pejabat, bukan pejabat, lift dan lain-lain.

Unit Pentadbiran

- 1) Menguruskan hal-hal pentadbiran serta aktiviti jabatan.
- 2) Menyelaraskan fail-fail jabatan dan surat-surat jabatan.
- 3) Menyelaraskan aduan jabatan.
- 4) Menguruskan mesyuarat dan penyediaan minit mesyuarat.
- 5) Mengemaskini cuti kakitangan dan memproses elauan lebih masa serta elauan perbatuan.
- 6) Menguruskan alat tulis dan keperluan pejabat.
- 7) Menyediakan inventori jabatan.

KEROSAKAN INFRASTRUKTUR

BIL	ADUAN	KEROSAKAN	PENYELESAIAN
1	JALAN	862	860
2	LONGKANG	805	793
3	PAPAN TANDA	62	62
4	LAMPU JALAN	1324	1324
5	BONGGOL	148	148
JUMLAH		3201	3187

PERATUS PENYELESAIAN MENGIKUT KATEGORI ADUAN

PERATUS PENYELESAIAN KESI UPUJAHAN ADUAN BAGI TAHUN 2018 ADAI AH SFRANYAK 99.56%



LAPORAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BAGI TAHUN 2018

DUN	KERJA INDEN	JUMLAH PERMOHONAN FAIL	JUMLAH PERMOHONAN SELESAI
Templer	Longkang	28	28
	Jalan	8	2
	Pembangunan Bukan Pejabat	2	2
	Papan Tanda	0	0
Gombak Setia	Longkang	22	21
	Jalan	3	3
	Pembangunan Bukan Pejabat	2	2
	Papan Tanda	1	1
Batu Caves	Longkang	61	58
	Jalan	13	11
	Pembangunan Bukan Pejabat	4	4
	Papan Tanda	6	6
Rawang	Longkang	53	53
	Jalan	7	7
	Pembangunan Bukan Pejabat	2	1
	Papan Tanda	3	3

(bersambung...)

(...sambungan)

LAPORAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BAGI TAHUN 2018			
DUN	KERJA INDEN	JUMLAH PERMOHONAN FAIL	JUMLAH PERMOHONAN SELESAI
Kuang	Longkang	9	9
	Jalan	2	2
	Pembangunan Bukan Pejabat	0	0
	Papan Tanda	1	1
Paya Jaras	Longkang	48	47
	Jalan	4	3
	Pembangunan Bukan Pejabat	0	0
	Papan Tanda	1	1
Bukit Lanjan	Longkang	25	22
	Jalan	5	5
	Pembangunan Bukan Pejabat	1	1
	Papan Tanda	0	0

LAPORAN PREMIX 2018

BULAN	MUKIM			JUMLAH
	BATU	RAWANG	SETAPAK	
Januari	22	7	0	29
Februari	9	14	0	23
Mac	17	15	4	36
April	29	14	3	46
Mei	17	15	3	35
Jun	6	10	3	19
Julai	14	18	2	34
Ogos	11	8	2	21
September	9	11	0	20
October	15	5	0	20
November	10	16	0	26
Disember	10	17	2	29
JUMLAH KESELURUHAN	169	150	19	338





LAPORAN KAWALAN PEMBANGUNAN 2018

PERKARA	BILANGAN PERMOHONAN
1. Memproses permohonan pelan-pelan infrastruktur <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Kerja Tanah • Jalan dan Perparitan • Lampu Jalan 	36 44 28
2. Pemantauan Ops-Lumpur bagi projek perumahan yang berisiko.	45 kawasan
3. Penguatkuasaan dan Kawalan Kerja Tanah <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Kompaun • Notis 	42 kompaun 90 notis

PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN KERJA TANAH - PENGETUAAN NOTIS & KOMPAUN - LOKASI - KG. SG. PUSU GOMBAK





LAPORAN PEMANTAUAN INVENTORY CERUN 2018



Bil Kes	Bil.	MUKIM	TAMAN	ZON	Jum- lah Cerun	Jenis Cerun			Pemilik	
						Cerun Batuan	Cerun Tanah	cerun Struktur	MPS	Indi- vidu
1	1	SETAPAK	DESA GEMILANG	1	2		2		1	1
2	2	BATU	BUKIT PERMATA	4	2		2			2
3	3	BATU	KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA AMAN	23	4			4	1	3
4	4	BATU	KAMPUNG SRI INDAH A	22	1		1			1
5	5	BATU	IDAMAN HILL	11	8	1	7		2	6
6	6	BATU	CY HITECH	4	2		2		1	1
7	7	BATU	TAMAN WANGSA PERMAI	22	10		4	6	4	6
8	8	BATU	TAMAN BUKIT TEMPLER	14	2		2			2
Jumlah					31	1	20	10	9	22

Bil Kes	Bil.	MUKIM	TAMAN	ZON	Jum- lah Cerun	Jenis Cerun			Pemilik	
						Cerun Batuan	Cerun Tanah	Cerun Struktur	MPS	Individu
9	1	SETAPAK	BUKIT LELA	1	1		1			1
10	2	SETAPAK	SEPANJANG JAJARAN PERMATANG KUARTZA	1	1		1			1
11	3	SETAPAK	TAMAN SRI GOMBAK FASA	4	14		11	3	8	6
12	4	BATU	PINGGIRAN TEMPLER	11	4	1	3		3	1
Jumlah					20	1	16	3	11	9

KERJA KERJA PEMBAIKAN CERUN DI JALAN DESA 3/7(LORONG BELAKANG BANDAR COUNTRY HOMES RAWANG



SEMASA



- 1) PROGRESS : 65 % (KELEWATAN 25%)
 - 2) MILIKTAPAK : 16/08/2018
 - 3) TARikh SIAP : 31/01/2019
- ISU MENDAPATKAN PERSETUJUAN PEMILIK ATAU PEROBOHAN STRUKUR BAGI TUJUAN PEMBINAAN
-PEMILIK TELAH BERSETUJU PEROBOHAN PADA 06/12/18

KERJA KERJA PENYELENGGARAAN CERUN DI JALAN DESA 5/2 BANDAR COUNTRY HOMES

SEBELUM



SEMASA

- 1) PROGRESS : 90 %
- 2) MILIKTAPAK : 01/10/2018
- 3) TARikh SIAP : 24/12/2018



Jabatan

Penilaian dan Pengurusan Harta

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab di dalam beberapa aktiviti yang harus dikendalikan seperti merancang, penyelenggaraan dan mengurus harta Majlis Perbandaran Selayang, mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan dan mengurus serta memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menjalankan dan menyediakan laporan penilaian ke atas pegangan berkadar dalam kawasan MPS berdasarkan Akta 171 bagi maksud cukai taksiran.
- Memproses tuntutan caruman bantuan kadar bagi pegangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Memproses permohonan tuntutan launk kosong bagi pegangan berkadar yang tidak dapat didiami atau bagi bangunan kosong.
- Mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan.
- Bertanggungjawab mengemaskini maklumat pegangan.
- Menyediakan laporan penilaian bagi harta-harta MPS untuk tujuan sewaan, insuran dan gadaian.
- Menguruskan sewaan premis sewaan MPS
- Bertanggungjawab menguruskan kemudahan-kemudahan awam seperti stadium, kompleks sukan dan dewan-dewan.
- Menyediakan peralatan untuk majlis-majlis rasmi MPS.
- Bertanggungjawab mengurus, memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS.
- Menguruskan proses perolehan kerja/perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal.

Bahagian Penilaian

i. Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Tahun 2018

BIL.	KETERANGAN	PEGANGAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM)
1.	SMK Persekutuan	3885	RM 1,451,352.23
2.	SMK Negeri	132	RM 96,829.20
3.	SMK Badan Berkanun	427	RM 105,638.66
JUMLAH		4444	RM 105,638.66

ii. Pegangan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2018

BIL.	KATEGORI HARTA	JUMLAH PEGANGAN (UNIT)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)
1.	Kediaman	179,387	54,367,080.22
2.	Perniagaan	17,514	24,686,218.22
3.	Perusahaan	6,215	30,694,668.56
4.	Harta Khas	293	1,257,127.85
JUMLAH		203,409	111,005,094.85

Bahagian Penswastaan

i. Pendapatan Sewa Bangunan Majlis Tahun 2018

BIL	KETERANGAN	BILANGAN	JUMLAH PENDAPATAN
1.	Senarai Projek Usahasama	2	RM13,100.00
2.	B.O.T	11	RM429,914.00
3.	Sewa Tapak	106	RM1,065,432.70
4.	Rumah Rehat	3	RM43,129.29
5.	Kedai Pejabat	10	RM144,000.00
JUMLAH			RM1,695,575.90

ii. Senarai Harta Sewaan Majlis Bagi Tahun 2018 Bahagian Pengurusan Harta

BIL	ZON/TEMPAT	JUMLAH UNIT	JUMLAH (RM)
	KEPONG	166	
1.	Gerai	29	
	Seri Selera	122	405,910.70
	Kiosk	5	
	Bengkel	10	
	SELAYANG	349	
2.	Gerai	239	
	Seri Selera	80	1,235,433.00
	Seri Kuih	4	
	Kiosk	4	
	Medan Selera	22	
	GOMBAK	445	
3.	Gerai	268	
	Seri Selera	159	
	Kiosk	12	1,599,613.34
	Bengkel	5	
	Rumah Sewa	6	
	Rumah Kedai	3	
	RAWANG	261	
4.	Gerai	105	
	Seri Selera	153	880,254.60
	Kiosk	1	
	Rumah Kedai	2	

(bersambung...)

(...sambungan)

BIL	ZON/TEMPAT	JUMLAH UNIT	JUMLAH (RM)
	PASAR	795	
	Pasar Moden MPS Rawang	430	
	Pasar Moden MPS Taman Sri Gombak	88	
5.	Pasar MPS Harian Batu Arang Fasa 1	25	1,015,003.40
	Pasar MPS Haria Batu Arang Fasa 2	35	
	Pasar Moden MPS Bandar Country Homes	190	
	Pusat Penjaja & Pasar Harian (Sementara) Taman Ehsan	27	

iii. Senarai Harta Sewaan Majlis Bagi Tahun 2018 Unit Kemudahan Awam

BIL	KETERANGAN	JUMLAH PENGGUNAAN	PENDAPATAN 2018
Dewan Dan Padang Awam			
1.	- 16 Dewan MPS Sewaan Gelanggang Sewaan Majlis / Seminar Sewaan Tarian / Sukan	2567 214 474	RM334,424.35
	- 33 Padang MPS Sewaan Aktiviti Sukan Sekolah Sewaan Aktiviti Keraian	10 3	
2.	Kompleks Sukan Sri Siantan, MPS Kolam Renang	55,000 Tiket / pengunjung	RM116,374.00
Stadium MPS			
3.	Liga Premier Piala Presiden Piala Cabaran Piala Ansara Kebangsaan Piala Bardhan Perlawanan Persahabatan	11 1 5 1 1 3	RM62,232.00
Taman Rimba Bukit Lagong			
4.	Sewaan Aktiviti Teambuilding Sewaan Kem Sekolah Sewaan Hari Keluarga	11 (1,070 peserta) 6 (520 peserta) 2 (220 peserta)	RM36,888.10

Jabatan

Pembangunan Masyarakat

Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

LATAR BELAKANG

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Pembangunan dan Pengurusan Aktiviti Sukan & Rekreasi, Pengembangan Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian, Pembangunan Generasi Muda dan Pembangunan Komuniti & Khidmat Sosial.

Jabatan Pembangunan Masyarakat bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kemasyarakatan yang berbentuk pembangunan modal insan dan khidmat sosial, generasi muda, sukan dan rekreasi, kebudayaan dan kesenian serta menjadi pemudahcaranya yang mesra kepada warga perbandaran Selayang serta mewujudkan sebuah komuniti yang cergas, positif dan bermaklumat.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

1. Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan sukan yang meliputi semua peringkat umur untuk masyarakat Selayang.
2. Menyelaras, mengurus dan mengkoordinasikan program bersama komuniti seperti sukan dan kebudayaan, generasi muda dan kemasyarakatan yang melibatkan Majlis diperingkat agensi, daerah, negeri dan kebangsaan.
3. Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada semua peringkat yang dianjurkan bersama oleh sektor awam, swasta, pertubuhan sukan dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain.
4. Memberi khidmat nasihat dan menjadi sumber rujukan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam masyarakat dengan pihak Majlis bagi melaksanakan program-program komuniti setempat.
5. Merancang, menyelaras dan menggerakkan program/aktiviti kebudayaan dan kesenian sepanjang tahun di Selayang melalui pendekatan yang bersesuaian kepada masyarakat setempat.
6. Memproses permohonan tuntutan perbelanjaan peruntukan bagi tujuan pelaksanaan program kemasyarakatan yang boleh menggalakkan penyertaan dan peranan aktif masyarakat dalam program Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Majlis.
7. Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan generasi muda yang dianjurkan dan disertai memberi manfaat kepada semua golongan generasi muda seterusnya diiktiraf keterlibatannya.

Bahagian Pembangunan Sukan

- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti sukan berhubung publisiti, promosi dan kempen.
- Merancang, menyusun dan mengawal program-program sukan untuk membentuk masyarakat cergas, sihat, berdisiplin, dinamik, tahan lasak dan berdikari dan secara langsung untuk menuju ke arah pencapaian kecemerlangan sukan.
- Mengurus dan menyelaras penyertaan pasukan MPS dalam persiapan menghadapi kejohanan-kejohanan sukan tempatan dan kebangsaan iaitu Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN), Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Selangor (SKT), Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA), Kejohanan Sukan MAKSAK Malaysia.
- Mempromosikan gaya hidup sihat melalui penganjuran program untuk masyarakat seperti
- Memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan untuk mewujudkan masyarakat sihat, cergas dan bersatupadu.
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu program bersama masyarakat.
- Menyelaras pasukan-pasukan anak angkat SUKMA dan MAKSAK Negeri Selangor melalui Program Bapa Angkat yang diterajui oleh Majlis Sukan Negeri Selangor dan MAKSAK Negeri Selangor.
- Mewujudkan dan mengetengahkan sukan minoriti yang melibatkan golongan komuniti orang kelainan upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak yang saling berhubungan antara sub komuniti dan individu melalui pelbagai program sukan khas yang dirancang.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 13 aktiviti / program sukan telah dilaksanakan dan disertai selia oleh jabatan yang melibatkan penyertaan masyarakat dan kakitangan di peringkat agensi, jawatankuasa penduduk, daerah dan negeri.

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM SUKAN MPS 2018

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Kejohanan Ping Pong MAKSAK Malaysia 2018	07 – 11/03/2018	Dewan Jubli Perak, Kota Bharu, Kelantan
2	Kejohanan Futsal Piala Pengarah Audit Negeri Selangor	21/04/2018	KSL Sports Futsal, Puchong Selangor
3	Kejohanan Bolasepak 9 Sebelah "Smart Selangor	28 – 29/04/2018	Padang Kelab SUK, Seksyen 9, Shah Alam
4	Larian Obor Asia Pacific Masters Games Penang 2018 Peringkat Negeri Selangor - Majlis Perbandaran Selayang	13/08/2018	Lobi Menara MPS – Bukit Melawati Kuala Selangor
5	Kejohanan Ping Pong MALA 2018	08 – 09/09/2018	UTC Pasir Gudang, Johor Bharu
6	Kejohanan Karom MALA 2018		
7	Kejohanan Catur MAKSAK Malaysia 2018	18 – 21/10/2018	Mahkota Hotel, Melaka
8	Kejohanan Tenpin Boling Piala Komuniti Selayang 2018	11/11/2018	Wangsa Bowl, Selayang Mall

(bersambung...)

(..sambungan)

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
9	Sukan Kerajaan Tempatan MALAYSIA (MALA) – Kejohanan Badminton Berpasukan	15 - 17/11/2018	Dewan PBNK, Kota Bharu, Kelantan
10	Sukan Kerajaan Tempatan MALAYSIA (MALA) – Kejohanan Golf Berpasukan	01/12/2018	Port Dickson Golf & Country Club, Negeri Sembilan
11	Kejohanan Ping Pong 3 Penjuru Anjuran Majlis Perbandaran Klang	21/12/2018	Dewan Sukan Andalas, MPK
12	Kejohanan Selayang BMX Challenge 2018	29 – 30/12/2018	Trek BMX Gombak Permai, Wira Damai Extreme Park
13	10 Perlawanan Persahabatan	Sepanjang Tahun 2018	Berdasarkan Jemputan Daripada Agensi-Agenzi

Bahagian Pembangunan Kebudayaan & Kesenian

- Menyelaras semua program, aktiviti & persembahan kumpulan kebudayaan MPS:-
 - Kumpulan Gamelan
 - Kumpulan Kugiran
 - Kumpulan Koir
- Menyelaras dan menyelenggara peralatan muzik kumpulan kebudayaan MPS.
- Mengatur langkah-langkah mengelola, mentadbir dan melaksanakan rancangan-rancangan mengenai dengan kebudayaan dan keseniaan.
- Menerima tempahan dari pelanggan dan membuat persembahan di peringkat Majlis atau luar bagi kumpulan kebudayaan MPS.
- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti kebudayaan dan keseniaan berhubung publisiti, promosi dan kempen.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan kebudayaan dan keseniaan yang meliputi semua kaum di seluruh kawasan MPS.
- Memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian.
- Merancang dan mengembangkan seni budaya kepada generasi baru melalui pendekatan yang bersesuaian bagi meneruskan usaha memartabatkan seni budaya ke peringkat yang lebih tinggi.
- Memartabatkan semula warisan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum bagi tujuan pendidikan dan sumber rujukan bagi generasi yang akan datang.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 12 tempahan, jemputan persembahan dan penyertaan pertandingan yang telah diterima dan disertai oleh kumpulan kebudayaan MPS.

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM KEBUDAYAAN MPS 2018

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Tempahan Kugiran Sempena Majlis Sepetang Bersama Datin Seri Shamshida Taharin - Puan Mazura Binti Mokhtar	27/01/2018	Dewan Seri Siantan, Batu Caves
2	Tempahan Gamelan Sempena Majlis Perkahwinan - En. Andishahrizan Bin Hanit	05/02/2018	Villa Fragrans, FRIM
3	Tempahan Kugiran Sempena Majlis Makan Malam Sedekad Bersama Menabur Bakti YAB Amirudin Shari - Puan Mazura Binti Mokhtar	09/02/2018	Dewan Seri Siantan, Batu Caves
4	Tempahan Gamelan Sempena Majlis Perkahwinan - En. Muhammad Shahrul Aizzat B. Mohamad Rapi	12/02/2018	Dewan Cindai, Institut Kraf Negara, Rawang
5	Tempahan Kugiran Sempena Majlis HiTea Bersama Pesara-Pesara MPS – ANULAE Cawangan MPS	08/03/2018	Lobi Menara, MPS
6	Tempahan Gamelan Sempena Majlis Ramah Mesra JPKKM Mukim Batu Daerah Gombak - Puan Mazura Binti Mokhtar	19/03/2018	Dewan Kayangan Pejabat Tanah Daerah Gombak
7	Tempahan Kugiran Sempena Majlis Eidul Fitri Parlimen Gombak & Dun Gombak Setia 2018 - Pejabat Ahli Dewan Negeri	01/07/2018	Padang Awam Taman Berjaya, Gombak
8	Persembahan Kugiran, Gamelan & Koir Sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MPS 2018 & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017	10/07/2018	Lobi & Laman Menara MPS
9	Tempahan Kugiran Sempena Majlis Kesukuran Dan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Peringkat Dun Sg. Tua 2018 – Pejabat Ahli Dewan Negeri	14/07/2018	Dewan Terbuka Sg. Tua, Padang Bola Sepak Awam, Kg. Baru Batu Caves
10	Tempahan Gamelan Sempena Karnival Kebudayaan Dan Warisan Selanogr Anjuran Bersama JKP Zon 19 MPS & Pusat Khidmat Peduli Rakyat DUN Kuang – Tuan Azman Bin Hj. Yaakob	25/09/2018	Dataran Setia, Kompleks Penghulu Batu 19, Jalan Kundang, Kuang
11	Persembahan Kugiran Sempena Majlis Apresiasi Ahli Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga & PeBT MPS 2018	07/12/2018	Setia Eco Templer, Rawang
12	Malam Kesenian Islam Selayang 2018	21/12/2018	Dataran Ilmu, Bandar baru Selayang



Bahagian Kemasyarakatan Dan Khidmat Sosial

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 38 program di bawah Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan 6 program utama MPS telah dilaksanakan.

BIL	PERKARA	JKP	TARIKH	TEMPAT
1	Program Kejohanan Futsal Piala JKP Zon 1, Majlis Perbandaran Selayang	1	15/04/2018	Padang Futsal Kg. Gombak Utara
2	Program Gotong-Royong Perdana JKP Zon 1 Bersama Jabatan Kesihatan Daerah Gombak Dan Penduduk Batu 11 Gombak Utara Dalam Membasmi Denggi	1	16/09/2018	Tadika Kemas & Kawasan Sekitar Batu 11,Gombak Utara.
3	Program Ceramah Motivasi 2018		02/11/2018	Dewan Terbuka PIBG SMK Seri Gombak
4	Program Jom Sihat Wanita		25/11/2018	Dewan Orang Ramai TamanGreenwood
5	Program Santun Berkuda	3	10/12/2018	Rubinga Equestrian Park, Kampung Changkat
6	Program Perkhemahan Cuti Sekolah Anak-Anak Kampung Changkat		22-23/12/2018	Padang Kampung Changkat
7	Program Majlis Suai Kenal Petugas Dan Penyerahan Peralatan Pasukan Keselamatan JKP Zon 3		29/12/2018	Dewan Kg Changkat
8	Program Sunathon Dan Back To School	4	02/12/2018	Pusat Khidmat Masyarakat MPS, Dewan Beringin
9	Program Back To School 2019 Untuk Pelajar Sekitar JKP Zon 5 (Fasa 3)	5	16 & 22/11/2018	1. SK Taman Samudera 2. SK Taman Selaseh
10	Program Back To School 2019	6	25/12/2018	Laman Bougainville, Sg. Kertas
11	Program Healthy & Nutrition Talk Serta Pemeriksaan Kesihatan	7	08/12/2018	Dewan Serbaguna Kampung Laksamana
